



JPT

**JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI**

EIE

PANDUAN
**PENDIDIKAN
KEUSAHAWANAN
BERSEPADU**

ENTREPRENEURSHIP INTEGRATED EDUCATION





KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

JPT | **JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI**

PANDUAN KPT UNTUK PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN BERSEPADU

MOHE GUIDE TO ENTREPRENEURSHIP INTEGRATED EDUCATION (EIE)

© Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Hak cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan, mengedar, atau menyiarkan mana-mana bahagian penerbitan ini dalam sebarang bentuk dan dengan apa-apa jua cara, termasuk secara fotokopi, rakaman, atau kaedah-kaedah elektronik atau mekanik lain, sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

e ISBN 978-967-2828-17-4



9 7 8 9 6 7 2 8 2 8 1 7 4

Diterbitkan oleh:

Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
No. 2, Menara2,
Jalan P5/6, Presint 5,
62200 Putrajaya, Malaysia

Cetakan Pertama, 2020

EIE

PANDUAN
**PENDIDIKAN
KEUSAHAWANAN
BERSEPADU**

ENTREPRENEURSHIP INTEGRATED EDUCATION



Prakata

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Pendidikan Keusahawanan Bersepadu (EIE) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berfungsi sebagai garis panduan kepada institusi-institusi ini bagi menerapkan ilmu keusahawanan yang sempurna dalam kurikulum pendidikan tinggi demi merealisasikan visi negara untuk menghasilkan siswazah yang memiliki nilai holistik, berkemahiran keusahawanan, dan seimbang.

Pendidikan Keusahawanan Bersepadu (EIE) di Malaysia bertujuan untuk merangkumkan dan mencadangkan sebuah model holistik bagi memperhebat kurikulum dan program keusahawanan di IPT. EIE juga menekankan kepentingan ahli fakulti, kurikulum, tadbir urus dan hubungan IPT-industri/agensi. Usaha ini diharapkan dapat mencapai tujuan utama, iaitu menghasilkan sebuah rangka kerja penjana pekerjaan melalui satu formasi perkongsian bersepadu; perakuan keperluan setimbal, perkongsian masalah dan penyelesaian dalam kalangan pemegang taruh.

Garis panduan dan keseluruhan rangka kerja ini akan menjadi teras kepada pihak pengurusan institusi untuk mereka bentuk sebuah program yang bersepadu dan berdaya saing dengan merangkumkan ilmu baharu, penggunaan teknologi terkini dan penilaian kualiti, di samping pemupukan ekosistem keusahawanan yang betul. Tonggak sokongan aspirasi pendidikan keusahawanan yang jelas oleh tadbir urus keusahawanan yang kuat di Kementerian dan IPT akan menyuburkan agenda keusahawanan pelajar di negara ini.

Institusi pengajian tinggi perlu memainkan peranan proaktif dan sentiasa responsif dengan perubahan-perubahan landskap ekonomi dan perniagaan. Proses pembudayaan keusahawanan melalui enam (6) fokus dalam kurikulum akan memperkuat pelajar daripada sudut keilmuan, kemahiran, pemikiran, tingkah laku dan berani untuk melibatkan diri dalam penjana perniagaan baharu dan aktiviti-aktiviti keusahawanan lain. Adalah menjadi aspirasi kerajaan, melalui pendidikan keusahawanan komprehensif dan bersepadu, untuk membangkitkan semangat siswazah supaya menjadi dinamik dan cekal dalam menjalankan perniagaan semasa mereka berada di kampus atau selepas tamat pengajian di institusi mereka.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Penggerak yang menghasilkan Panduan KPT untuk Pendidikan Keusahawanan Bersepadu (EIE) ini dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Keusahawanan.

Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad

Menteri Pengajian Tinggi



Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff

Ketua Setiausaha

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera kepada semua.

Memastikan siswazah mendalami semangat keusahawanan adalah salah satu misi teras Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Menyedari keperluan memupuk orientasi keusahawanan dengan pendekatan ekosistem keusahawanan holistik yang akan membimbing lebih ramai siswazah yang berhasrat untuk terlibat dalam keusahawanan sebagai pilihan pertama kerjaya mereka adalah kunci untuk menangani apa juga krisis; oleh itu, atas dasar mendukung prinsip dan semangat teras inilah garis panduan bagaimana sebuah pendidikan keusahawanan bersepadu dapat dipupuk di IPT Malaysia ini dibangunkan. Untuk mencapai tujuan ini, menghayati dua prinsip asas – 'apa yang sebenarnya diamalkan dan amalan terbaik' adalah sangat penting. Saya percaya dua elemen penting ini adalah kritikal dalam mengenal pasti jurang yang perlu diisi untuk melonjakkan pendidikan keusahawanan supaya mencapai visi nasional menjadi negara sebuah berpendapatan tinggi.

Selari dengan situasi perniagaan yang menjadi lebih kompleks dan mencabar, sudah tiba masanya untuk siswazah menjadi lebih serba boleh, dan menjadikan keusahawanan sebagai pilihan yang terbaik untuk kerjaya mereka daripada bergantung pada pasaran kerja. Sehubungan itu, adalah menjadi peranan IPT untuk memberi motivasi dan membantu pelajar ke arah transformasi daripada pelajar kepada usahawan. Saya percaya buku ini akan memberi panduan kepada institusi untuk membangunkan program keusahawanan bersesuaian merentasi semua disiplin bidang pengajian.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi kepada pasukan penilai semula kumpulan pengkaji yang diketuai oleh Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi Ismail, Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan atas sokongan tidak berbelah bahagi serta kerjasama untuk membangunkan Garis Panduan Keusahawanan sebagai sumber rujukan kepada semua IPT. Saya pasti dengan dedikasi dan semangat jitu yang ditunjukkan, kita akan dapat mengatasi halangan-halangan pada masa hadapan dan akan mencapai kejayaan yang lebih hebat.

Wassalam.

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera kepada semua.

Penerbitan buku Garis Panduan KPT untuk Pendidikan Keusahawanan Bersepadu (EIE) di Malaysia pada masa ini adalah sangat tepat dan selari dengan aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Penerbitan ini bertujuan untuk menguatkan lagi agenda keusahawanan pelajar di IPT. Perubahan yang pantas dalam persekitaran perniagaan dan kesan pandemik COVID-19 telah mendesak semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk merencanakan dan menggalas agenda keusahawanan dalam kalangan pensyarah dan pelajar. Membekalkan pelajar dengan semangat keusahawanan, mempunyai ahli akademik dengan pendekatan terkini untuk mendidik pelajar ke arah keusahawanan, struktur tadbir urus yang holistik untuk memacu agenda keusahawanan di IPT, dan kolaborasi antara institusi, industri, serta agensi; ini adalah domain utama untuk memudahkan keperluan ini.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) memainkan peranan yang penting dalam membantu KPT untuk menjamin kejayaan keusahawanan di IPT, terutamanya bagi lonjakan pertama yang menumpukan kepada pembentukan siswazah yang holistik, berkemahiran keusahawanan, dan seimbang. Melalui lonjakan ini, IPT diharapkan untuk lebih maju dan mempunyai visi yang lebih baik dan mempunyai aspek untuk memperkukuh aspek-aspek pendidikan keusahawanan. Hasil yang dijangkakan, KPT melalui Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) komited untuk memberikan sokongan berterusan terhadap pelaksanaan pendidikan keusahawanan melalui kurikulum dan program yang dinaik taraf.

Bagi pihak KPT, saya ingin menyampaikan penghargaan kepada pasukan buku ini yang diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Ts. Noor Azizi Ismail, Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang telah memastikan projek ini berjaya.

Harapan saya, usaha ini dijadikan lebih progresif supaya menjamin kemampanan kualiti pendidikan keusahawanan dalam sistem pengajian tinggi Malaysia seperti yang diharapkan.

Wassalam.



Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak

Ketua Pengarah

Jabatan Pendidikan Tinggi

Kementerian Pengajian Tinggi

Sistem Pendidikan Malaysia ternyata telah berkembang dengan pesat dalam masa beberapa dekad ini; evolusi ini perlu berlaku untuk membolehkan kita bergerak seiring, jika tidak ke hadapan, dengan trend global.

Aspirasi ke arah status negara maju memerlukan kita merangkumkan pendidikan keusahawanan sebagai sebahagian daripada kurikulum dan aktiviti tambahan. Sebagai contoh, penerapan Revolusi Industri 4.0 akan mengubah landskap keusahawanan seperti yang kita ketahui pada masa sekarang.

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan kebergantungan yang tinggi kepada digitilisasi, dan kebiasaan baharu ini telah menyebabkan kebanyakan aktiviti yang kita lakukan sebelum ini menjadi sama ada lapuk atau kurang digunakan. Menyediakan siswazah Malaysia untuk cemerlang pada masa hadapan yang kompleks dan sentiasa berubah, memerlukan sistem pengajian tinggi dan IPT untuk melakukan transformasi fundamental kepada cara mereka beroperasi.

Panduan EIE KPT untuk pendidikan ini memberikan peranan dasar kepada IPT untuk membangunkan program and aktiviti keusahawanan yang mantap dan relevan kepada pelajar.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Menteri Pengajian Tinggi, Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi kerana memberi kepercayaan kepada Universiti Malaysia Kelantan dengan amanah ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada pemegang taruh terutamanya daripada agensi-agensi kerajaan, industri, usahawan, IPT Malaysia, NGO, dan wakil pesyarah dan pelajar yang telah menyumbang kepada penerbitan buku ini. Dengan rasa rendah diri, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa termasuk wakil daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) atas sumbangan mereka yang amat diperlukan terhadap kejayaan buku ini.

Wassalam.



Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi Ismail

Pengerusi

Jawatankuasa Khas

Kurikulum Keusahawanan Universiti di Malaysia



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pendidikan keusahawanan telah menjadi salah satu agenda utama Kerajaan untuk memacu pembangunan modal insan dan pertumbuhan ekonomi negara. Industri pendidikan tinggi diberi mandat untuk memastikan program dan kurikulum akademik relevan dengan pertumbuhan ekonomi semasa dan masa depan. Hala tuju untuk membangun dan mempraktikkan pendidikan keusahawanan yang inovatif menyokong visi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan menjelang 2030 (Dasar Keusahawanan Nasional (DKN), 2030). Oleh itu, mengembangkan dan melaksanakan pendidikan serta ekosistem keusahawanan yang tepat sangat penting untuk memastikan industri pendidikan tinggi menghasilkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran, pemikiran, sikap dan tingkah laku yang tepat untuk menjamin mereka (pelajar) dapat bertahan dengan persekitaran perniagaan.

Panduan KPT untuk Pendidikan Keusahawanan Bersepadu (EIE) berfungsi sebagai rujukan dan garis panduan bagi semua IPT di Malaysia untuk mendorong program dan aktiviti keusahawanan sesuai dengan aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi (KKM) demi melahirkan graduan yang holistik, berkemahiran keusahawanan dan seimbang (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pengajian Tinggi)).

Panduan EIE ini dibangun berdasarkan penglibatan dengan pelbagai pemegang taruh, termasuk kementerian, agensi kerajaan, sektor swasta, NGO, usahawan, perindustrian, IPT, pendidik dan wakil pelajar. Di samping itu, tinjauan literatur, penyemakan semula polisi keusahawanan yang berkaitan di Malaysia, dan penanda aras amalan pendidikan keusahawanan semasa dalam kalangan IPT Malaysia dan universiti keusahawanan dunia terkemuka telah dilakukan.

Dasar-dasar yang ada pada masa kini secara umum telah mengetengahkan kepentingan keusahawanan dalam pendidikan dari peringkat rendah hingga tinggi. Visi dasar-dasar sedia ada iaitu: DEB 2030, DPK 2010, EAP 2016–2020 secara jelas telah menggariskan strategi dan mekanisme umum untuk sektor-sektor berkaitan termasuk sektor pendidikan tinggi dalam mempromosikan pendidikan keusahawanan ke arah memupuk usahawan di negara ini. Walau bagaimanapun, mekanisme untuk menghasilkan kurikulum pendidikan keusahawanan yang tepat adalah merupakan satu domain yang mencabar. Berdasarkan tinjauan literatur dan penglibatan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan, panduan ini ditetapkan sebagai prinsip umum atau peraturan umum untuk IPT merancang program atau aktiviti pendidikan keusahawanan masing-masing.

Empat (4) prinsip panduan untuk mewujudkan EIE yang digariskan:

- ① Menghubungkan kurikulum dengan dunia perniagaan sebenar
- ② Pembelajaran berasaskan masalah dan pengalaman
- ③ Kurikulum yang bercirikan teknologi
- ④ Hubungan IPT-industri-komuniti

Dalam menterjemahkan visi KPT untuk memiliki kurikulum yang bersepadu, ekosistem keusahawanan inklusif (IEE) merangkumi empat (4) pemacu utama iaitu Keterlibatan Staf, Keterlibatan Pelajar, Keterlibatan Universiti, dan Keterlibatan Industri-Komuniti-IPT, dengan lima (5) strategi objektif dan 33 inisiatif strategik telah digariskan dalam buku ini sebagaimana yang dibincangkan di halaman 55.


IEE diharapkan dapat menaungi pembangunan kurikulum bersepadu keusahawanan (EIC). Elemen-elemen penting dalam EIC haruslah merangkumi kursus-kursus kontemporari dan berorientasikan pasaran, pengajaran dan pembelajaran yang inovatif, petunjuk penilaian kualiti, dan ahli fakulti yang kompeten.

Melihat kepada landskap perniagaan dan keusahawanan yang rancak, dan pencapaian graduan keusahawanan yang ada sekarang, enam (6) bidang fokus utama kurikulum, iaitu Pengetahuan Fundamental Keusahawanan, Pengetahuan Keusahawanan Lanjutan, Pengetahuan Perniagaan, Program Perantis Keusahawanan, Kemahiran Pembangunan Manusia dan Aktiviti Kurikulum Tambahan Keusahawanan telah

diperincikan untuk memastikan EIE dirancang dengan baik dan relevan untuk trend industri keusahawanan pada masa depan seperti yang dijelaskan di halaman 74.

Secara ringkasnya, matlamat Panduan EIE, KPT adalah sebagai rujukan kepada IPT iaitu;

- Membangunkan ekosistem keusahawanan inklusif yang menggariskan peranan IPT, pelajar, pendidik, industri dan masyarakat.
- Mewujudkan dan / atau meningkatkan sistem tadbir urus keusahawanan yang bersesuaian agar pemantauan dan pelaporan prestasi dapat dilakukan dengan berkesan.
- Menerapkan komponen pendidikan keusahawanan yang betul dalam program akademik dan aktiviti pembangunan keusahawanan pelajar.
- Mewujudkan alat penilaian yang sesuai bagi mengukur hasil, keberkesanan dan kelestarian agenda keusahawanan di peringkat IPT.





Visi

Untuk menjadikan Malaysia negara keusahawanan secara inklusif dan inovatif.

Misi

- Merealisasikan impian "satu pelajar, satu perusahaan" semasa tamat pengajian dengan memupuk nilai keusahawanan.
- Mempraktikkan pendidikan keusahawanan bersepadu melalui pengetahuan yang praktikal dan teknologi terkini.
- Mempromosikan ekosistem keusahawanan secara holistik.

Matlamat EIE



MATLAMAT 1

Menambahkan bilangan pelajar usahawan (yang merujuk kepada pelajar yang sedang menubuhkan dan mengendalikan perniagaan mereka semasa di kampus).



MATLAMAT 2

Menambah bilangan usahawan graduan (yang merujuk kepada pelajar yang dapat menubuhkan perniagaan mereka dalam masa enam (6) bulan setelah tamat pengajian).



MATLAMAT 3

Menambahkan bilangan perniagaan syarikat terbitan atau perusahaan yang ditubuhkan oleh pelajar dan kajian kes perniagaan.

Objektif EIE

Bagi mencapai matlamat EIE, tujuh (7) objektif khusus digariskan:

- Membangunkan dan memperkukuh ekosistem keusahawanan inklusif di IPT untuk menghidupkan kembali pendidikan keusahawanan dan meningkatkan motivasi pelajar untuk keusahawanan.
- Memperkukuh kurikulum keusahawanan bersepadu dengan menggunakan teknologi dan berasaskan inovasi, serta menghubungkan kurikulum ke dunia perniagaan sebenar.
- Memperkukuh pendekatan pengajaran dan pembelajaran melalui pembelajaran berasaskan masalah dan pengalaman dengan penunjuk penilaian yang sesuai.
- Memperkukuh kecekapan pemimpin dan pendidik akademik melalui peningkatan kemahiran dan peningkatan kemahiran proses pengembangan pengetahuan, perubahan minda, pengimbuhan teknologi baharu, inovasi dan strategi perniagaan.
- Mempercepat pertumbuhan penyelidikan keusahawanan dan inovasi IPT untuk mendorong aktiviti pengkomersialan dan penubuhan syarikat terbitan oleh pelajar.
- Memperkukuh koperasi dan perusahaan sosial pelajar di pasaran.
- Meningkatkan projek kolaborasi IPT-industri-komuniti pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



01 Gambaran Keseluruhan
muka surat 15

**02 Landskap Pendidikan
Keusahawanan**
muka surat 19

- Polisi Terkini
- Amalan Pendidikan Keusahawanan

KANDUNGAN

Isu dan Cabaran 03
muka surat 35

**Teras Pengetahuan
dan Kemahiran 04**
muka surat 41

Ekosistem Keusahawanan IPT 05
muka surat 47

- Ekosistem Keusahawanan IPT ■
- Kerangka Ekosistem Keusahawanan Inklusif ■
- Impak Keusahawanan ■

**08 Bibliografi
dan Lampiran**
muka surat 93

07 Hala Tuju
muka surat 83

**06 Kerangka Kurikulum
Keusahawanan Bersepadu (EIC)**
muka surat 63

- Prinsip Panduan
- Lima (5) Teras EIC
- Pemetaan BEP, BRP dan Non-BEP
- Penilaian Kelestarian Keusahawanan

01

**GAMBARAN
KESELURUHAN**

Keusahawanan adalah proses mengenal pasti, mengetahui, dan menerokai peluang. Pembentukan Keusahawanan dan inovasi kini menjadi komponen penting dalam sistem pengajian tinggi Malaysia. IPT di negara ini diharapkan mampu merangka semula sistem pendidikan supaya dapat menterjemahkan pendidikan keusahawanan agar IPT dilihat berusaha meletakkan kedudukannya secara dinamik seiring dengan cabaran baharu pendidikan tinggi global.

Objektif utama keusahawanan adalah untuk memperkasakan kebolehpasaran graduan, daya saing di tempat kerja dan menjadi kewargaan global, keusahawanan diiktiraf sebagai hala tuju dalam membentuk modal insan pada masa depan dengan minda keusahawanan yang diinginkan, menyediakan penyelesaian kreatif dan inovatif untuk pembangunan bangsa. Graduan diharapkan menjadi penjana pekerjaan dan bukan pencari pekerjaan. IPT di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran yang berpunca

daripada pemahaman yang kurang baik mengenai konsep keusahawanan, walaupun Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mewujudkan dasar untuk pembangunan pendidikan keusahawanan.

Dalam konteks Malaysia, ciri-ciri institusi keusahawanan merangkumi sistem tadbir urus yang berkesan dengan keupayaan untuk membuat keputusan dan bertanggungjawab dengan semua keputusan yang dibuat, ejen sosioekonomi dan pembangunan wilayah, fleksibiliti tinggi menggunakan sumber yang ada dalam parameter kos dan keuntungan, kampus komuniti dengan pemikiran keusahawanan, kepimpinan transformasional berkualiti tinggi dan kemampuan IPT untuk mempelbagaikan pendapatannya, mewujudkan dana endowmen, jaringan industri serta ekosistem perniagaan kampus yang jitu. Selain itu, institusi keusahawanan menggunakan proses pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan inovatif dengan menawarkan program unik dan pelbagai disiplin untuk mewujudkan perniagaan dan kekayaan.





> USAHAWAN PELAJAR (SE)

Pelajar yang telah menubuhkan syarikat perniagaan semasa belajar.

> USAHAWAN GRADUAN (GE)

Pelajar yang mempunyai syarikat perniagaan selepas tamat pengajian.

Keusahawanan pada umumnya, dianggap hanya sebagai menjalankan perniagaan. Walau bagaimanapun, keusahawanan dalam konteks sebenarnya, adalah suatu proses membentuk generasi baharu modal insan dengan minda, nilai dan kualiti yang diinginkan melalui pendekatan kreatif dan inovatif yang bergantung kepada kepimpinan transformasi untuk menambah nilai dalam sistem tadbir urus, jaringan masyarakat bagi pembangunan nasional dan serantau serta pembangunan profesional dan penjaan kekayaan, demi memastikan kejayaan keusahawanan, prasyarat bagi semua IPT merangkumi pemupukan budaya keusahawanan, pelaksanaan pendidikan keusahawanan, pengaplikasian penyelidikan, pembangunan inovasi dan penjaan pendapatan, memastikan sistem tadbir urus yang berkesan, mengukuhkan keusahawanan sosial dan kolaborasi industri, serta pemerkasaan kepimpinan.

Oleh yang demikian, cabaran utama adalah mengembangkan kurikulum keusahawanan dan sistem penyampaian, termasuk membentuk pendidik keusahawanan yang kompeten, penyediaan infrastruktur dan ekosistem yang sesuai. Hasil utama yang diharapkan adalah penciptaan ekosistem dan pembudayaan keusahawanan yang inklusif, pembangunan kurikulum keusahawanan bersepadu, serta menyokong aspirasi kerajaan seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu menghasilkan graduan yang holistik, seimbang dengan bercirikan keusahawanan.


ASPIRASI

- **Membangunkan ekosistem keusahawanan di Malaysia yang akan meningkatkan daya saing negara pada peringkat pemikiran ekonomi global yang kian meningkat dengan persaingan dan cabaran yang muncul daripada Revolusi Industri 4.0 dan juga mewujudkan budaya keusahawanan dalam masyarakat Malaysia.**

Dasar Keusahawanan Negara, 2030

- **Melahirkan graduan holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang.**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi)



02

**LANDSKAP
PENDIDIKAN
KEUSAHAWANAN**

DASAR PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN (DPK) 2010

Entrepreneurial Development Policy

KPT amat menyokong konsep keusahawanan yang akan dilaksanakan di universiti awam. Pada tahun 2010, KPT telah membentuk Dasar Pembangunan Keusahawanan 2010 (DPK 2010) untuk dijadikan garis panduan di IPT bagi memupuk budaya keusahawanan di institusi masing-masing dengan tiga (3) komponen utama dan enam (6) inisiatif.

- ① Kesedaran keusahawanan merujuk kepada pemahaman mengenai kepentingan keusahawanan, pengetahuan mengenai cara pelaksanaan dan konsep kerja berpasukan. Program-program kesedaran akan disasarkan kepada semua komuniti kampus.
- ② Budaya keusahawanan merujuk kepada tindakan untuk menghargai, memastikan kejayaan, mencari peluang baharu, melihat cabaran sebagai peluang, meraikan kejayaan / pencapaian, dan dapat membezakan sifat-sifat berlainan dalam kalangan warga universiti. Budaya keusahawanan dilihat sebagai komponen holistik dengan keputusan kolektif dalam mencapai visi dan misi universiti.
- ③ Pengukuhan komponen merujuk kepada pelaksanaan aktiviti keusahawanan, diikuti dengan penambahbaikan yang berterusan, konsisten dan mampan. Universiti mestilah mempelbagaikan strategi / pendekatan selain memastikan semua pihak berkepentingan mengambil bahagian dalam semua aktiviti.

6 INISIATIF DPK 2010

Objektif DPK 2010 adalah untuk meningkatkan pembangunan keusahawanan secara menyeluruh, dalam mewujudkan modal insan yang berkualiti dengan kemahiran berfikir secara kritis dengan sifat-sifat keusahawanan. Pada masa yang sama, pihak universiti juga berharap agar dapat melahirkan usahawan yang akan menjadi pemangkin transformasi nasional ekonomi kepada negara yang berpendapatan tinggi (*a nation with high income*).

Aktiviti keusahawanan yang menjadi penggerak akan meningkatkan inovasi, kreativiti dan daya saing. Berdasarkan tanggapan tersebut, keusahawanan telah menjadi satu agenda nasional dalam pembangunan komuniti komersial dan perindustrian serta penglibatan usahawan dalam pembangunan ekonomi. Kumpulan sasaran dalam agenda ini ialah pelajar, graduan, para belia dan wanita. Walau bagaimanapun, tumpuan akan diberikan kepada pelajar dan graduan di IPT.



Penubuhan pusat keusahawanan di IPT.



Pelaksanaan pendidikan keusahawanan yang terancang dan holistik.



Perancangan dan pelaksanaan program untuk pembangunan dan pengukuhan keusahawanan.



Membangunkan mekanisme pengukuran yang berkesan bagi menentukan kesan dan hasil dalam aktiviti keusahawanan.



Menyediakan persekitaran dan ekosistem yang kondusif yang akan membolehkan program keusahawanan dijalankan secara berkesan.



Menyediakan latihan dan pembangunan profesional staf secara berterusan untuk meningkatkan bilangan pendidik usahawan yang kompeten.

PELAN STRATEGIK KEUSAHAWANAN IPT 2013-2015

Pelan Strategik dalam Pembangunan Keusahawanan di Pengajian Tinggi

DPK 2010 telah ditambah baik dan diperkasakan dalam tempoh 2013 - 2015 yang dikenali sebagai Pelan Strategik Keusahawanan IPT 2013-2015 dengan penambahan strategi-strategi sepertimana yang disenaraikan di bawah:

- i. Pengukuhan peranan pusat keusahawanan di universiti dan pemerkasaan sistem penyampaian.
- ii. Menyemai nilai dan sifat yang baik dalam pengajaran & pembelajaran yang merangkumi disiplin dan juga meningkatkan elemen praktikal dalam pengajaran keusahawanan.
- iii. Penglibatan pihak industri dalam pengajaran & pembelajaran.
- iv. Mendorong dan menyediakan platform bagi penglibatan aktif para pelajar dalam program keusahawanan.
- v. Meluaskan sistem sokongan untuk perniagaan pelajar juga perlu dipertimbangkan, iaitu sokongan dalam bentuk nasihat, kewangan, dan fizikal.
- vi. Mengutamakan program intervensi dan aktiviti berimpak tinggi bagi menyokong pelajar yang berkecenderungan tinggi ke arah keusahawanan.
- vii. Meningkatkan keusahawanan sosial berdasarkan perniagaan yang menguntungkan industri dan komuniti.
- viii. Meningkatkan tenaga pengajar dalam bidang keusahawanan dengan mengambil ahli akademik yang kreatif dan inovatif.
- ix. Mengatasi jurang antara pengetahuan teori dan aspek praktikal dalam aspek keusahawanan dalam kalangan pendidik. Hal ini bagi memberikan pengalaman praktikal yang mencukupi dalam pengajaran dan pembelajaran keusahawanan.
- x. Meningkatkan kemahiran dan kompetensi pendidik keusahawanan melalui latihan dan pembangunan profesional yang berterusan atau program sangkutan industri.
- xi. Mendapat komitmen yang tinggi daripada pihak pengurusan atasan universiti dalam memantapkan ekosistem keusahawanan.
- xii. Membangunkan instrumen dan petunjuk prestasi utama bagi mengukur keberkesanan dan kesan program keusahawanan.




PELAN TINDAKAN KEUSAHAWANAN 2016-2020

Entrepreneurship Action Plan (EAP)

Bersama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi), KPT sekali lagi telah meningkatkan Pelan Strategik Keusahawanan 2013-2015 dengan memperkenalkan Pelan Tindakan Keusahawanan 2016 - 2020 yang juga dikenali sebagai Pelan Tindakan Keusahawanan (EAP).

Lonjakan 1 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), iaitu mewujudkan graduan holistik, berkeusahawanan dan seimbang adalah asas dalam mengembangkan rancangan tindakan baharu pada tahun 2016. EAP terdiri daripada dua (2) strategi - Strategi A (Pembangunan Kurikulum) dan Strategi B (Memperkasakan Sistem Sokongan Pembelajaran).




Sumber: Pelan Tindakan Keusahawanan 2016-2020

Salah satu hasil yang penting dalam rancangan tindakan strategik baharu adalah pembentukan **Rangka Kerja Penjana Pekerjaan**.

Rangka kerja ini menggambarkan metodologi dalam memastikan graduan memperoleh pendidikan dan latihan keusahawanan yang mencukupi yang akan mengubah mereka menjadi penjana pekerjaan dan bukannya menjadi pencari pekerjaan.

EAP 2021-2025 yang disemak semula telah memperkukuh lagi agenda keusahawanan dengan tiga (3) teras strategi: **Ekosistem Keusahawanan Bersepadu, Kolaborasi Berimpak Tinggi, dan Inovasi dan Teknologi Keusahawanan**. Oleh yang demikian, Panduan EIE KPT ini menyokong tiga (3) strategi penegasan tersebut yang perlu dilaksanakan oleh IPT di Malaysia.



Sumber: Pelan Tindakan Keusahawanan 2016-2020



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

DKN 2030

Dasar Keusahawanan Nasional

Malaysia Negara Keusahawanan Unggul 2030


DKN 2030 bertujuan untuk menjadi nukleus dan pemangkin untuk menggerakkan budaya keusahawanan di negara ini, dengan tujuan utamanya, iaitu mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda sosioekonomi yang mampan, terangkum dan seimbang. Tujuannya adalah untuk meningkatkan bilangan usahawan yang berkeelayakan, berdaya maju dan berdaya tahan yang juga akan meningkatkan keupayaan usahawan tempatan, khususnya di sektor PKS, sejajar dengan konsep kerajaan, iaitu kemakmuran dikongsi bersama. DKN 2030 telah menetapkan lima (5) objektif utama, iaitu Rangka Kerja Ekosistem Keusahawanan dan enam (6) teras strategi, untuk memacu agenda keusahawanan negara.

Pada tahun 2019, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) yang kini dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah melancarkan DKB 2030 yang menetapkan strategi jangka masa panjang keusahawanan pada peringkat kebangsaan. DKN 2030 telah dirancang untuk mengembangkan ekosistem keusahawanan di Malaysia yang akan meningkatkan daya saing negara dalam ekonomi global dengan peningkatan persaingan dan cabaran yang timbul daripada Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) serta mewujudkan budaya keusahawanan dalam kalangan masyarakat Malaysia.

DKN 2030 telah menetapkan lima (5) objektif:

- ① Mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda pembangunan sosioekonomi Malaysia yang inklusif, seimbang dan mampan.
- ② Membentuk masyarakat Malaysia yang berpemikiran dan berbudaya keusahawanan
- ③ Meningkatkan bilangan usahawan negara yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan, berfikiran global dan kompetitif.
- ④ Mempertingkatkan keupayaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta koperasi
- ⑤ Menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan

EKOSISTEM KEUSAHAWANAN




ENAM TERAS STRATEGIK DKN 2030

Bagi mencapai objektif yang diinginkan, DEB 2030 menekankan enam (6) teras strategik dengan objektif untuk mengubah ekonomi Malaysia menjadi ekonomi lestari, terangkum, progresif serta didorong oleh pengetahuan dan inovasi. Enam (6) tujahan strategik tersebut adalah:



DASAR USAHAWAN GRADUAN DAN USAHAWAN PELAJAR

Menyedari kepentingan pendidikan keusahawanan dalam mempromosikan pembangunan keusahawanan dan juga ekonomi, KPT telah mengambil inisiatif menjadikan mata pelajaran keusahawanan sebagai mata pelajaran wajib kepada semua pelajar di universiti awam negara. Pada tahun 2016 hingga 2019, Malaysia telah menyaksikan hasil positif daripada program-program keusahawanan. Namun begitu, hasilnya masih boleh dimantapkan lagi dengan memperkenalkan satu kurikulum keusahawanan bersepadu yang merangkumi teknologi masa kini dan masa hadapan serta menghubungkan ke dunia sebenar perniagaan dalam reka bentuk kurikulum, pengajaran dan pembelajaran serta menambah baik indikator penilaian keusahawanan.



Sumber: DOSM, Mei 2020

Petunjuk Prestasi Utama	2016		2017		2018		2019		2020
	SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI	SASAR
■ Pelajar mendapat pendedahan keusahawanan	60%	60% 309,834	70%	75% 390,372	80%	82% 427,343	90%	96.01% 531,513	100%
■ Usahawan graduan	2.50%	2.50% 3,756	3%	3.10% 4,840	3.50%	5% 6,447	4%	4.63% 7,148	5%
■ Usahawan pelajar	3%	3% 9,998	6%	5% 19,024	9%	7% 30,888	10%	10.20% 49,983	15%
■ Pensyarah memiliki kepakaran keusahawanan	300	2,206	600	1,260	900	1,988	1,200	2,079	1,500

Sumber: Unit Keusahawanan, Bahagian Dasar, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), 2019

AMALAN TERBAIK

Penanda aras adalah komponen penting dalam penilaian sendiri untuk amalan di pendidikan tinggi bagi proses produktif yang akan memberikan penilaian untuk penambahbaikan berterusan. Ia telah dikenal pasti sebagai teknik terbaik untuk memberikan maklumat dan penilaian untuk aktiviti yang telah dijalankan di institusi pengajian tinggi. Penggunaan penanda aras untuk mengukur amalan pendidikan tinggi dapat memberikan pelbagai faedah termasuk mengatasi halangan kepada perubahan, menyediakan struktur untuk penilaian dan juga perkongsian maklumat luaran. Ulasan daripada pelbagai sumber menyatakan penanda aras yang telah digunakan sebelumnya oleh para sarjana telah mengenal pasti beberapa kriteria penanda aras yang digunakan untuk membezakan amalan terbaik pendidikan keusahawanan di universiti keusahawanan terbaik di Amerika Syarikat, Singapura dan Malaysia. Di samping itu, kajian semula polisi dasar kebangsaan, tinjauan literatur terhadap para sarjana unggul dan penglibatan dengan pihak berkepentingan telah dilaksanakan dalam proses mewujudkan panduan EIE ini.

Penanda aras telah dilaksanakan di 21 IPT Awam, 15 universiti keusahawanan dunia teratas (TWEU) dan dua (2) universiti di Asia. Lima (5) fokus elemen dalam pendidikan keusahawanan dibentuk untuk menilai amalan IPT di Malaysia dan universiti keusahawanan terbaik dunia. Berdasarkan penanda aras tersebut, lapan (8) kriteria telah dikenal pasti dan dikemukakan sebagai amalan terbaik untuk diamalkan oleh IPT Malaysia yang akan diuraikan secara terperinci di halaman 85.



5 FOKUS ELEMEN DALAM PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN

1

KURIKULUM KEUSAHAWANAN BERSEPADU

Pembelajaran bersepadu yang menghubungkan perniagaan sebenar dan teknologi dalam kurikulum. Pembelajaran bersepadu ini juga memberi tumpuan kepada pengajaran mengenai keusahawanan dengan mengambil pensyarah yang mempunyai pengalaman perniagaan sebagai tenaga pengajar.

2

AKTIVITI KEUSAHAWANAN PELAJAR

Memberi tumpuan kepada aktiviti keusahawanan pelajar yang dapat menolong pelajar mendapatkan pengalaman perniagaan yang sebenar. Hal ini termasuklah melakukan *pitching*, berniaga dan bekongsian pengalaman perniagaan dan mewujudkan hubungan di peringkat global.

3

PROGRAM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN PELAJAR

Menumpukan kemahiran keusahawanan melalui program keusahawanan secara berterusan seperti bimbingan perniagaan, dan perantisan dalam menguruskan perniagaan, menguruskan risiko, mengharungi ketidakpastian dan menerokai peluang-peluang baharu

4

EKOSISTEM KEUSAHAWANAN

Memberi fokus pada ekosistem keusahawanan yang boleh memudahkan pengembangan keusahawanan dalam institusi. Hal ini merangkumi struktur tadbir urus, inkubator perniagaan, makmal inovasi dan teknologi.

5

PENILAIAN KEUSAHAWANAN

Memberi fokus pada penilaian keusahawanan seperti bilangan syarikat perniagaan, syarikat pemula (*start-up*) dan penyelidikan industri untuk memantau tahap keusahawanan tersebut. Walau bagaimanapun, pengertian dan pemahaman mengenai apa itu keusahawanan dan kemampuan untuk mengubah pemikiran pelajar mestilah diukur.

AMALAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN DI MALAYSIA

Hasil tinjauan daripada 20 universiti awam, serta Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) di Malaysia, berdasarkan lima (5) fokus elemen dalam pendidikan keusahawanan adalah seperti berikut:

1

KURIKULUM KEUSAHAWANAN BERSEPADU

- Sebilangan besar IPT menawarkan dua (2) mata pelajaran keusahawanan.
- Dua (2) IPT menawarkan antara 3-4 mata pelajaran keusahawanan.
- Mata pelajaran yang ditawarkan akan memberi tumpuan pada asas keusahawanan.

2

AKTIVITI KEUSAHAWANAN PELAJAR

- Sebilangan besar IPT telah menganjurkan antara 10-20 program / aktiviti setiap tahun.
- Dua (2) IPT telah menganjurkan lebih daripada 100 aktiviti setiap tahun.

3

PROGRAM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN PELAJAR

- 16 IPT menyediakan pementoran keusahawanan dan program bimbingan.
- Semua IPT menyediakan kemudahan keusahawanan. Contohnya: kiosk, lot kedai dan pusat beli-belah.
- Sembilan (9) IPT menyediakan dana permulaan atau pinjaman mudah untuk pelajar bagi memulakan perniagaan mereka.

4

EKOSISTEM KEUSAHAWANAN

- Lapan (8) IPT mempunyai satu inkubator dan tiga (3) IPT mempunyai dua (2) inkubator; seperti makmal pembangunan produk baharu, makmal peruncitan, dan makmal perniagaan.
- Dua (2) IPT masing-masing mempunyai antara 36 dan 40 inkubator.
- Semua IPT telah mewujudkan jalinan IPT-industri yang baik.
- Struktur tadbir urus dan sistem pelaporan adalah pelbagai antara IPT

5


PENILAIAN KEUSAHAWANAN

- Semua IPT telah menerapkan empat (4) KPI sebagaimana yang dinyatakan dalam Pelan Tindakan Keusahawanan 2015-2020.
- Sebilangan besar IPT memastikan semua pelajar didedahkan dengan pengetahuan asas keusahawanan.
- Min peratusan usahawan pelajar yang dihasilkan oleh IPT adalah 10.2% sementara untuk usahawan graduan adalah 4.63% (pada 2019), iaitu sedikit rendah daripada sasaran nasional sebanyak 5%.



AMALAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN DI DUNIA

Universiti dan IPT lain pada ketika ini menghadapi banyak cabaran yang tidak dijangkakan dalam menetapkan hala tuju, peranan, organisasi dan skop dalam masyarakat dan ekonomi. Ekonomi bersepadu dengan kemunculan teknologi baharu menetapkan keperluan untuk mewujudkan satu sistem IPT bersepadu merentasi sempadan terutamanya dalam konteks pendidikan keusahawanan. Hal ini penting untuk mempunyai amalan keusahawanan bertaraf dunia bagi melahirkan lebih ramai usahawan pelajar dan usahawan graduan. Fokus utama adalah membangunkan ekosistem keusahawanan bagi menyokong aktiviti keusahawanan. Jumlah universiti yang dipilih untuk dirujuk adalah berdasarkan tiga (3) standard keusahawanan dan badan akreditasi. Badan akreditasi dan standard keusahawanan tersebut adalah Princeton Review (Princeton 2020), US News Ranking (US News 2020), dan Accreditation Council for Entrepreneurship and Engaged Universities (ACEEU, 2020). TWEU yang dinyatakan di bawah adalah berdasarkan urutan peringkat.



INSTITUSI KEUSAHAWANAN TERBAIK DI DUNIA

PRINCETON REVIEW BAGI 2020

PRASISWAZAH

- UNIVERSITY OF HOUSTON
- BABSON COLLEGE
- BRIGHAM YOUNG UNIVERSITY (PRIVATE UNIVERSITY)
- UNIVERSITY OF MICHIGAN
- BAYLOR UNIVERSITY

PASCASISWAZAH

- WILLIAM MARSH RICE UNIVERSITY
- UNIVERSITY OF CHICAGO
- NORTHWESTERN UNIVERSITY
- BABSON COLLEGE
- UNIVERSITY OF MICHIGAN

US NEWS RANGKING BAGI 2020

PRASISWAZAH

- STANFORD UNIVERSITY
- BABSON COLLEGE
- MASSACHUSETTS INSTITUTE OF TECHNOLOGY
- HARVARD UNIVERSITY
- UNIVERSITY OF CALIFORNIA
- UNIVERSITY OF PENNSYLVANIA

PASCASISWAZAH

- STANFORD UNIVERSITY
- UNIVERSITY OF PENNSYLVANIA
- NORTHWESTERN UNIVERSITY
- UNIVERSITY OF CHICAGO



AKREDITASI UNIVERSITI ACEEU

- University of Tartu, Estonia
- Chalmers University of Technology, Sweden
- Management of Science University, Malaysia
- Universidad Ean, Colombia
- The University of Adelaide, Australia

ACCREDITATION COUNCIL FOR ENTREPRENEURIAL AND ENGAGED UNIVERSITIES (ACEEU)

ACEEU yang kini berpusat di Jerman merupakan satu-satunya badan jaminan kualiti yang beroperasi secara global dengan memfokuskan kepada pemberian akuan akreditasi dan amalan keusahawanan di universiti seluruh dunia. ACEEU menyediakan akreditasi kepada universiti keusahawanan di seluruh dunia bagi memupuk perubahan budaya, pembangunan organisasi dan pengiktirafan kecemerlangan dalam keusahawanan. ACEEU diwujudkan pada tahun 2017 dan diasaskan dalam University Industry Innovation Network (UIIN) beribu pejabat di Munster, Jerman. Pada tahun 2020, ACEEU mempunyai 35 ahli majlis dan lima (5) universiti di seluruh dunia yang telah diakreditasi oleh badan ini.

Lima (5) amalan keusahawanan yang cemerlang di universiti keusahawanan terkemuka dunia

1. Kurikulum Keusahawanan Bersepadu

Universiti keusahawanan bertaraf dunia sentiasa berkembang maju dalam persekitaran yang dapat memupuk daya saing, pemikiran kritikal, inovasi dan kreatif. Pihak universiti seharusnya lebih bijak dan terbuka menerima idea baharu dan pendekatan yang unik. Kebanyakan universiti seperti University of Houston, Babson College, William Marsh Rice University dan Stanford University, mata pelajaran keusahawanan diintegrasikan dengan perniagaan sebenar yang membolehkan pelajar memberi tumpuan kepada kes perniagaan sebenar dan aktiviti secara praktikal. Hal ini membolehkan pelajar mendapat pendedahan perniagaan dan memahami proses pembelajaran keusahawanan sebenar. Sebagai contohnya di Babson College, pelajar dikehendaki mengambil kursus asas dalam pengurusan dan keusahawanan, serta mengurus perniagaan sekurang-kurangnya selama setahun.

2. Aktiviti Keusahawanan Pelajar

Keusahawanan lebih tertumpu kepada pembelajaran berterusan dan berinteraksi dengan persekitaran; universiti keusahawanan yang terkemuka telah menawarkan program pembangunan seperti bimbingan perniagaan dan perantis keusahawanan bagi usahawan pelajar dalam mengenal pasti kekuatan, kelemahan dan peningkatan kemahiran keusahawanan. Sebagai contoh, University of Houston telah mewujudkan program 3 hari *start-up* untuk membantu pelajar mengembangkan dan meningkatkan perniagaan serta potensi sebagai pemimpin. Idea perniagaan, *pitching* dan bimbingan oleh usahawan dan/atau pengamal industri menjadi amalan yang konsisten di universiti-universiti berkenaan.

3. Fokus kepada Kajian Kes Syarikat Terkemuka

Ramai pelajar usahawan lebih induktif dan deduktif yang bermaksud mereka lebih suka belajar dengan lebih baik daripada contoh sebenar berbanding dengan prinsip asas. Universiti seperti Babson College dan William Marsh Rice University telah lama menggunakan kajian kes sebagai teknik pembelajaran di dalam kelas yang lebih efektif untuk pelajar mereka. Hal ini merupakan pendekatan langsung bagi memupuk kemahiran pelajar untuk menilai maklumat secara analitik. Penggunaan kes sebenar daripada senario industri akan membantu pelajar memahami konsep dan kaedah yang digunakan oleh syarikat serta menyokong motivasi pelajar untuk menceburkan diri dalam perniagaan. Pembelajaran berasaskan pengalaman adalah kunci untuk pelajar meningkatkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan.

4. Ekosistem Keusahawanan

Universiti keusahawanan terkemuka telah menyediakan kemudahan bertaraf dunia bagi menyokong pembangunan keusahawanan dengan cara menubuhkan Institusi Pembangunan Keusahawanan dan Kepimpinan, pusat inovasi dan inkubator dalam menyokong syarikat dan pembangunan enterpris pelajar di samping kewujudan *teaching factory* juga signifikan. Selain itu, forum komuniti seperti *energy and clean technology venture capital conferences* diadakan bagi memacu ekosistem inovasi ini. Dari segi struktur tadbir urus, agenda keusahawanan dikaitkan dengan pemindahan teknologi dan dipantau oleh Pengarah Pemindahan Teknologi atau Pusat Keusahawanan serta dilapor kepada Presiden di universiti.

5. Penilaian Keusahawanan

Universiti terkemuka memberikan keutamaan dalam menghasilkan usahawan berimpak tinggi dengan menganalisis kejayaan syarikat pelajar berdasarkan satu penilaian unik. Universiti seperti Stanford University dan Harvard University menggunakan bilangan kajian kes dan bilangan syarikat terbitan sebagai kriteria utama untuk menilai prestasi keusahawanan pelajar. Penilaian bermula daripada kefahaman pengetahuan keusahawanan, pemikiran dan tindakan sebagai usahawan. Pemikiran keusahawanan merupakan aset penting yang akan menentukan kejayaan sama ada memulajai enterpris atau membuat sesuatu pembaharuan dalam syarikat.



"Our very survival depends on our ability to stay awake, to adjust to new ideas, to remain vigilant and to face the challenge of change."

– Martin Luther King Jr. –

03

**ISU DAN
CABARAN**

Keusahawanan memerlukan seseorang menjadi sangat dinamik, tangkas dan berdaya tahan untuk kekal dalam persekitaran. Oleh itu, pendidikan keusahawanan terkini adalah laluan untuk meningkatkan pengetahuan, pemikiran, sikap dan tingkah laku untuk mencapai kejayaan keusahawanan. IPT mestilah memastikan pendidik dan pelajar didedahkan dengan keseimbangan pengetahuan, kerohanian (ehsan) dan etika untuk menjadikan mereka berdaya tahan dan fleksibel terhadap perubahan dan cabaran dalam persekitaran. Sembilan (9) isu kritikal dan cabaran menghadapi diaspora keusahawanan berpunca daripada peranan IPT sebagai penyedia pengetahuan kepada kepimpinan dan tadbir urus.

Sembilan (9) isu dan cabaran adalah:

- 1 Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran
- 2 Kandungan Kurikulum
- 3 Pengembangan Minda
- 4 Hala Tuju Perniagaan
- 5 Penyelidikan dan Pengkomersialan
- 6 Inisiatif Perniagaan
- 7 Pakar Keusahawanan Profesional
- 8 Kepimpinan dan Tadbir Urus
- 9 Heliks KuadrupeL

1. Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran

Pengajaran dan pembelajaran tradisional berbeza dengan masa kini mengikut ciri-ciri Generasi X, Y dan *baby boomer* di mana ia tidak menekankan dinamisme sekali gus mengurangkan motivasi dalam proses pembelajaran generasi tersebut. Keupayaan untuk mengajar menerusi platform digital masih tidak mencukupi untuk merangsang proses pengajaran dan pembelajaran yang dinamik, malah ia tidak hanya terbatas di dalam kelas atau komunikasi sehalu di platform digital. Jangka masa pembelajaran yang pendek generasi baharu memerlukan kurikulum keusahawanan yang inovatif bagi memenuhi keperluan mereka. Namun, tidak semua pensyarah menggunakan sepenuhnya kursus dalam talian dengan kandungan berbentuk digital serta penglibatan yang terhad dengan pakar bidang digital dalam talian. Oleh demikian, pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran yang tersuai (*personalised learning*) mestilah diperkukuhkan bagi merangsang daya fikir pelajar.

2. Kandungan Kurikulum

Kandungan kurikulum yang baik akan membentuk identiti keusahawanan (atau DNA keusahawanan) bagi memastikan kejayaan mereka mencipta perniagaan dan syarikat baharu. Walau bagaimanapun, ilmu keusahawanan yang dimiliki masih di peringkat umum dan asas untuk dikongsi memandangkan sukatan pelajaran keusahawanan disampaikan dalam masa yang singkat dan bukannya memberi inspirasi. Justeru, projek keusahawanan jangka pendek (*one-off*) didapati kurang memberi manfaat dan berimpak kepada pelajar dalam memupuk pengetahuan dan kemahiran keusahawanan kerana ia memerlukan hubungan yang kuat dengan dunia perniagaan sebenar. Akhirnya, pelajar hanya mampu mengembangkan kemahiran mengurus perniagaan tetapi kurang mampu dalam merancang strategi secara kognitif, tidak berupaya untuk menghadapi masalah yang rumit, dan kurang ketekunan serta kerohanian untuk menjadi seorang usahawan sejati.

3. Pengembangan Minda

Kejayaan mencipta peluang pekerjaan bergantung kepada pengembangan minda keusahawanan selain memiliki kompetensi dan perniagaan sepanjang pelajar berada di universiti. Walau bagaimanapun, minda seperti ini masih kurang dalam kalangan pelajar IPT walaupun budaya keusahawanan telah diterap secara mendalam. Tambahan pula, perasaan takut akan kegagalan menyebabkan usaha baharu yang diceburi tidak berjaya atau tidak dapat dibangunkan dan dikekalkan selepas mereka tamat pengajian. Di samping itu, sokongan daripada keluarga, rakan-rakan dan masyarakat masih kurang untuk menghasilkan usahawan baharu. Oleh itu, pengembangan minda harus dipupuk dalam masyarakat. Pengembangan minda dalam masyarakat akan meningkatkan interaksi pelajar untuk berfikir kreatif, bermotivasi dan menggalakkan untuk menyelesaikan masalah yang kompleks melalui pembelajaran berasaskan pengalaman atau pekerjaan.

4. Hala Tuju Perniagaan

Landskap perniagaan baharu lebih berkembang dalam teknologi augmentasi dan digitalisasi iaitu kecerdasan buatan (AI), internet benda (IoT) *machine learning*, dan robotik merupakan tren terkini untuk membentuk industri masa hadapan sekali gus mempengaruhi gaya hidup dan tingkah laku. Oleh demikian, pendidik mestilah peka dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan baharu dan terkini. Dalam hal ini, usahawan mempunyai peluang yang luas untuk memberi perkhidmatan kepada 32 juta lebih orang di Malaysia, 690 juta lebih orang di pasaran ASEAN dan 7 bilion lebih penduduk dunia dengan menggunakan pendekatan inovasi dan teknologi yang berbeza untuk menguasai pasaran yang lebih luas. Sebagai contoh, pelaksanaan e-dagang dan automasi dalam operasi industri makanan dan minuman, serta peruncitan, dan sebagainya bagi memastikan pertumbuhan dan kelestarian usaha niaga/enterpris demi manfaat IPT, masyarakat, dan negara. menghadapi masalah yang rumit, dan kurang ketekunan serta kerohanian untuk menjadi seorang usahawan sejati.

5. Penyelidikan dan Pengkomersialan

Produk inovatif daripada para pelajar seharusnya dapat dikomersialkan secara efektif melalui syarikat terbitan atau syarikat hiliran. Walau bagaimanapun, kurikulum keusahawanan sedia ada secara relatifnya tidak menggalakkan PKS berasaskan inovasi. Oleh itu, penyebaran inovasi, terutamanya inovasi teknologi tidak dapat dimanfaatkan oleh masyarakat secara amnya. Di samping itu, penyelidikan translasi berimpak masih berkurangan dibandingkan dengan penyelidikan fundamental. Kekurangan dana penyelidikan menyukarkan IPTA untuk membuat keputusan yang berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan, konsep pembuktian (*proof of concept*), pembangunan prototaip dan membawa produk ke pasaran. Penyelidikan sebelum ini telah menunjukkan bahawa gabungan kemahiran penyelidikan dan perniagaan akan menggalakkan kejayaan proses pengkomersialan. Set kemahiran ini akan membolehkan pasukan inovatif menyedari tren permintaan pasaran yang baharu, penggunaan strategi platform e-dagang. Walau bagaimanapun, interaksi dan kolaborasi antara pelajar sains dan teknikal dengan pelajar perniagaan masih berkurangan dan mengekang kemunculan syarikat terbitan.

6. Inisiatif Perniagaan

Kerajaan telah menyediakan banyak inisiatif dalam membantu usahawan dan PKS mencipta, membangun dan mengekal perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, kurikulum keusahawanan kini tidak meningkatkan kepekaan pelajar terhadap maklumat terkini bagi mempengaruhi inisiatif mereka untuk berniaga. Sebagai contoh, kebanyakan pelajar tidak berminat membaca bajet tahunan untuk merebut peluang dan inisiatif yang diberikan oleh kerajaan untuk membantu usahawan mencapai kejayaan. IPT juga perlu menyokong inisiatif yang disediakan oleh agensi kerajaan atau industri atau mempromosikan inisiatif tempatan (*homegrown*) melalui dasar yang dapat mempromosikan penubuhan usaha niaga yang baharu. Sebagai contoh, inisiatif *Green Lane* dapat membantu para usahawan pelajar untuk meneroka peluang, mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran, menyelesaikan masalah yang kompleks dan menempuh kegagalan untuk berjaya.



7. Pakar Profesional Keusahawanan

Bilangan pensyarah yang pakar dalam bidang keusahawanan kian meningkat. Tenaga pakar itu adalah daripada aliran pengetahuan dan pendidikan keusahawanan secara formal dan tidak formal. Walau bagaimanapun, bilangan pakar keusahawanan profesional yang mempunyai gabungan pengetahuan keusahawanan dan pengalaman industri perlu ditingkatkan. Pakar keusahawanan profesional yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dapat menyalurkan pengetahuan keusahawanan dengan lebih baik dan berkesan dalam dunia keusahawanan sebenar. Malangnya, bilangan terkini pensyarah dengan pendidikan keusahawanan adalah melebihi berbanding dengan bilangan pensyarah berpengalaman dunia perniagaan sebenar. Fenomena ini membawa kepada pendedahan yang rendah terhadap perspektif usahawan pelajar mengenai rantaian nilai perniagaan, kelebihan daya saing melalui inovasi teknologi, dan globalisasi melalui pengantarabangsaan. Oleh itu, keupayaan membimbing dan memudahkan cara pelajar berdasarkan pengalaman dunia sebenar untuk mencipta usaha niaga yang baharu adalah sangat penting sama ada melalui peningkatan kemahiran (*upskilling*) atau pemahiran semula (*reskilling*).

8. Kepimpinan dan Tadbir Urus

Agenda keusahawanan akan terus maju dengan sokongan daripada kepimpinan IPT yang berani mengambil risiko (*calculative risk*), menggunakan pemikiran perniagaan (*business acumen mindset*), dan melaksanakan sistem pentadbiran yang berkesan. Tadbir urus yang baik dan dasar yang menyokong ekosistem keusahawanan akan memupuk budaya keusahawanan. Mereka yang mempunyai keupayaan kepimpinan yang tinggi dapat membawa perubahan lanskap IPT ke arah budaya inovasi yang mempromosikan penciptaan usaha niaga baharu atau syarikat terbitan pelajar. Penyelidikan sebelum ini menunjukkan bahawa birokrasi dan pembuatan keputusan yang perlahan menghalang kreativiti dan inovasi. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengubah pemimpin akademik menjadi lebih berdaya tahan, pragmatik, dan futuristik untuk memupuk budaya keusahawanan. Hal ini masih menjadi cabaran besar kepada IPT untuk memupuk kepimpinan seperti ini.



9. Heliks Kuadrupel

Terdapat pengasingan antara kolaborasi IPT, agensi, industri dan komuniti dalam hubungan IPT. Lebih daripada 60 agensi kerajaan mempunyai aktiviti dan agenda tersendiri untuk menyokong pembangunan keusahawanan di Malaysia. Industri juga memerlukan keupayaan dan keperluan tertentu untuk memastikan usahawan pelajar dapat menempuh situasi perniagaan. Walau bagaimanapun, kurikulum keusahawanan semasa tidak dapat memenuhi keperluan industri, perubahan teknologi, dan trend global dan lebih buruk lagi, kolaborasi antara IPT, agensi, industri dan masyarakat menunjukkan terdapat pengasingan antara institusi-institusi tersebut yang cenderung bekerja secara silo/ individu dalam menyokong agenda keusahawanan. Di samping itu, banyak memorandum persefahaman (MoU) tidak digunakan secara berkesan untuk memupuk budaya inovatif yang dapat menyumbang kepada penciptaan PKS berasaskan inovasi.

Secara umum, polisi dan strategi yang telah diperkenalkan oleh kerajaan, dukungan daripada industri, dan kesedaran mengenai perubahan dalam lanskap perniagaan tidak mencukupi sekiranya kurikulum keusahawanan tetap sama. IPT tidak boleh menafikan kesan inovasi teknologi yang datang daripada Revolusi Industri 4.0 yang mendorong industri untuk berubah dari segi pemikiran, sistem operasi dan perspektif mereka. Oleh itu, terdapat keperluan yang tinggi untuk meningkatkan kerjasama keusahawanan terkini dan menangani isu-isu dan cabaran secara harmoni untuk mewujudkan pencipta pekerjaan yang memberi kesan kepada masyarakat.

A photograph of a library interior. Tall wooden bookshelves filled with books line the left side of the frame. Several incandescent light bulbs hang from the ceiling, casting a warm, yellowish glow. The background is softly blurred, showing more shelves and lights receding into the distance.

Setiap insan boleh berjaya dan bahagia dengan dorongan, inspirasi, dan motivasi yang tepat.

04

**TERAS PENGETAHUAN
DAN KEMAHIRAN**

Pendidikan Keusahawanan

semakin dititikberatkan dalam semua program akademik bermula dari peringkat sekolah rendah hingga peringkat pascasiswazah untuk meningkatkan minda keusahawanan. Pendidikan keusahawanan dilihat sebagai elemen penting yang seiring dengan apa yang diminta oleh pelajar untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam persekitaran perniagaan yang pelbagai dan kompleks. Hal ini dapat diterangkan dengan jelas melalui teras pengetahuan dan teras kemahiran keusahawanan yang perlu disemai dalam kalangan graduan.



TERAS PENGETAHUAN KEUSAHAWANAN

Ilmu keusahawanan ditakrifkan sebagai penghayatan individu terhadap konsep, kemahiran dan mentaliti yang diharapkan dalam diri seseorang usahawan (Jack & Anderson, 1999). Menurut Massad dan Tucker (2009), pengetahuan dapat diperoleh secara beransur-ansur dan dibentuk melalui pendedahan secara konsisten terhadap aktiviti keusahawanan. Perkembangan pengetahuan keusahawanan sering dikaitkan dengan pembelajaran keusahawanan. Terdapat dua pengetahuan yang berbeza dan saling melengkapi antara satu sama lain dalam pembentukan perniagaan (Massad & Turker, 2009).

Pertama, perlu mengenal pasti atau mengetahui dan menilai peluang perniagaan baharu. Pengetahuan tersebut membolehkan para usahawan mengenal pasti pasaran atau sekumpulan orang yang memerlukan penyelesaian spesifik melalui perkembangan pendekatan baharu atau inovatif. Kedua, pengetahuan mengenai pembangunan model perniagaan boleh dilaksanakan bagi membolehkan usahawan untuk merancang dan mengendalikan perniagaan. Kedua-dua perspektif pengetahuan ini saling melengkapi antara satu sama lain dan haruslah dikuasai oleh usahawan. Di bawah adalah sepuluh (10) cadangan pengetahuan teras usahawan.

Sepuluh (10) Pengetahuan Teras Keusahawanan

Pengetahuan Teras	Keterangan
1. Visi, Strategi, Proses dan Budaya	Dapat menyatakan dengan jelas visi, strategi, proses dan budaya usaha niaga Visi, strategi, proses dan budaya perlu dibuat penajaran dengan tenaga kerja bagi mencapai objektif enterpris dan mencapai sasaran utama
2. Merealisasikan Visi	Mengambil tindakan untuk merapatkan jurang keberadaan dan apa yang ingin dicapai
3. Membentuk Persekitaran	Dapat membina usaha niaga yang memotivasikan pihak berkepentingan Menekankan perubahan dan peningkatan secara berterusan
4. Memahami Pasaran	Dapat memahami keadaan pasaran dan meneroka potensi supaya boleh dimanfaatkan
5. Memahami Pelanggan	Memahami keperluan, kehendak dan permintaan pelanggan Mengetahui pasti keperluan dan menyediakan jalan penyelesaian
6. Mengenali Pesaing	Mengenali pesaing, kedudukan dan aktiviti pasaran
7. Memahami Budaya Tempatan	Menyesuaikan diri dengan budaya tempatan supaya perniagaan dapat diselarikan dengan keperluan mereka
8. Berpengetahuan Untung Rugi	Mengetahui hal berkaitan kewangan untuk menilai peluang dan risiko.
9. Menilai Diri Sendiri	Memahami kekuatan dan kelemahan diri, mampu membuat penilaian sendiri
10. Keinginan terhadap ilmu	Menanamkan iltizam untuk belajar dalam diri sendiri dan orang lain. Membolehkan penguasaan ilmu untuk menyelesaikan masalah secara kreatif dan batasan diri

Sumber: McClelland (1987), Cooper, Bottomley and Gordon (2004), Massad & Turker (2009), Kuratko, D. F. (2020)

TERAS KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN



Usahawan adalah seperti orang lain yang mempunyai tugas untuk dilaksanakan, dan mereka memerlukan kemahiran untuk menyelesaikan tugas secara efektif. Kemahiran dalam konteks ini merangkumi konsep kompetensi, kecekapan, sikap dan keupayaan untuk menguruskan perniagaan mereka dengan baik. Di samping itu, kemahiran berkait rapat dengan pengetahuan, kepakaran, dan keupayaan yang dibangunkan secara semula jadi dan diasah menjadi set kemahiran. Set kemahiran ini dipupuk dalam jangka masa tertentu melalui penglibatan dalam pembelajaran, penambahbaikan dan penyelesaian tugas-tugas tertentu.

Menurut Mitchelmore dan Rowley (2010) dan Landström (2020), kompetensi keusahawanan telah dikaji dengan mendalam. Dua puluh (20) teras kemahiran kecekapan yang disintesis daripada sorotan literatur dianggap penting dan merupakan petunjuk utama untuk mengukur keberkesanan keusahawanan.

20 Teras Kemahiran Keusahawanan

Kemahiran Utama	Keterangan
Andaian Risiko	Berupaya menghadapi situasi yang tidak menentu Mampu membuat keputusan yang tepat dan mampu mengawal emosi sendiri
Keazaman Diri	Berupaya membuat keputusan dengan tepat setelah mengambil kira semua kemungkinan dan bertanggungjawab atas hasil keputusan yang dibuat
Pencarian Maklumat	Berupaya mencari dan berkongsi maklumat perniagaan untuk menyelesaikan masalah bisnes.
Kualiti kerja	Berupaya bekerja dengan intensif dan tekun demi mencapai objektif perniagaan dan yang pentingnya, sentiasa berusaha membuat penambahbaikan perniagaan
Komunikasi	Berupaya mendengar, mengemukakan soalan, menyatakan idea perniagaan dengan berkesan.
Keyakinan diri	Berupaya menghadapi cabaran yang baharu dengan mempunyai keyakinan terhadap sebarang kemungkinan, keputusan, atau pandangan
Rangkaian sosial	Berupaya membentuk dan mengekalkan rangkaian kenalan yang berguna dalam pencapaian matlamat perniagaan
Dinamisme	Berupaya bekerja dalam situasi yang sentiasa berubah dengan pelbagai rakan kongsi
Pengurusan Perubahan	Berupaya menyesuaikan diri dengan konteks, situasi, dan orang yang berbeza dengan cepat
Inisiatif	Bersedia mengambil tindakan, mencipta peluang dan meningkatkan hasil sumber dalaman
Inovasi	Berupaya mengambil tindakan, membentuk peluang dan memperbaiki hasil sumber dalaman
Integriti	Berupaya bertindak mengikut apa yang sepatutnya atau dianggap penting
Kepimpinan	Berupaya membimbing tindakan pekerja ke arah dengan mewujudkan komitmen, menetapkan tujuan, dan memberi maklum balas yang menyatukan pandangan orang lain
Kawalan Kendiri	Berupaya mengawal diri dan mengetahui batas diri
Berorientasi hasil	Berupaya memperaga, membimbing dan mendorong ke arah pencapaian matlamat
Mobiliti Sosial	Berupaya meningkatkan atau merendahkan kedudukan dalam skala kesejahteraan ekonomi
Perundingan	Berupaya mengawal perbincangan bagi membentuk persekitaran kolaborasi yang menekankan komitmen
Penyelesaian Masalah	Berupaya fleksible dan mengatasi situasi yang terbatas serta mampu menangani sebarang percanggahan
Bertanggungjawab	Berupaya mengekalkan konsistensi antara tindakan, kelakuan, dan sebutan serta mengambil tanggungjawab atas kesilapan yang dilakukan
Kerja Berpasukan	Berupaya untuk terlibat secara aktif ke arah pencapaian matlamat, dan mengenyepikan kepentingan peribadi demi pencapaian objektif pasukan

Sumber: Sarasvanthy, 2001; Kirby, 2004; Gibb & Hannon, 2006; Shumpeter, 1934; Begley & Boyd, 1988; Pleitner, 1986; and Shapero, 1982.



05


EKOSISTEM KEUSAHAWANAN IPT

KERANGKA EKOSISTEM KEUSAHAWANAN INKLUSIF (IEE)

IPT perlu menjadi sebuah organisasi yang bergerak ke arah keusahawanan. Dengan kata lain, seluruh komponen dalam institusi adalah hasil penggembleran untuk mewujudkan satu ekosistem yang inklusif bagi memacu inisiatif keusahawanan. Ekosistem Keusahawanan Inklusif (IEE) adalah penting untuk mentadbir pembangunan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu (EIE).

Ekosistem keusahawanan IPT pada masa ini menggariskan lima(5) komponen penting iaitu; kepimpinan dan tadbir urus, budaya keusahawanan, sistem insentif dan ganjaran, visi dan misi, serta infostruktur dan infrastruktur untuk memacu agenda keusahawanan institusi masing masing.
(Rujuk Gambar Rajah 1)

Ekosistem ini melibatkan penglibatan inklusif daripada empat(4) pemegang taruh iaitu institusi dan tadbir urus, staf, pelajar dan industri / komuniti.
(Rujuk Gambar Rajah 2)




Pemegang taruh perlu bekerjasama berpaksikan budaya keusahawanan yang tinggi. Berdasarkan konsep kepimpinan bersama, fokus semua universiti dan pemegang taruh adalah untuk memastikan agenda keusahawanan terlaksana dan berjaya. Salah satu daripada kesan pembudayaan keusahawanan adalah pembentukan persekitaran yang mempunyai infrastruktur dan infostruktur yang mencukupi untuk memperkukuh aktiviti keusahawanan (pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, dan khidmat masyarakat) yang sejahtera dan berdaya saing. Aktiviti tersebut hendaklah mengambil kira pendekatan yang holistik dan inovatif dan memastikan hasil yang berimpak. Keseluruhan sistem atau warga universiti perlu membentuk ekosistem (termasuk pengurusan atasan) yang mesti terlibat dalam aktiviti keusahawanan dengan komitmen yang tinggi berdasarkan visi dan misi sesebuah IPT. Insentif dan ganjaran perlu dipromosikan untuk menggalakkan staf dan fakulti berusaha menghasilkan impak keusahawanan.


Justeru, strategi yang sangat saling berkaitan akan menunjukkan satu pasukan kerja yang kuat ke arah mencapai kecemerlangan. Penglibatan industri dan komuniti sangat penting memandangkan industri mempunyai tanggung jawab yang sama dalam memastikan kualiti pendidikan keusahawanan, kebolehpasaran graduan dan kelestarian kewangan sesebuah IPT.

Intipati inklusiviti bergantung kepada penglibatan yang tinggi oleh empat (4) pemegang taruh- penglibatan staf, penglibatan pelajar, penglibatan industri dan komuniti, dan penglibatan IPT sepertimana yang ditunjukkan dalam Gambar Rajah 2.

EKOSISTEM KEUSAHAWANAN IPT



Gambar Rajah 1: Ekosistem Keusahawanan



Gambar Rajah 2: Empat (4) Pemacu Ekosistem Keusahawanan Inklusif

EMPAT (4) PEMEGANG TARUH

01 Pelajar/Graduan

Pelajar/graduan yang mempunyai daya keusahawanan yang tinggi, kaya dengan nilai kemanusiaan yang tinggi, kemahiran generik dan sikap keusahawanan (holistik dan seimbang), mampu memiliki syarikat sendiri, terlibat dengan aktiviti bukan akademik dan kokurikulum, mempunyai jaringan yang kuat dan penglibatan industri yang meluas serta dapat menyesuaikan diri dalam semua lapisan masyarakat dan komuniti.

02 Staf

Staf merujuk kepada staf akademik (atau pendidik) yang juga seorang pendidik keusahawanan, mampu mempraktikkan sistem penyampaian yang berbeza dan kreatif, menjadi penyelidik inovatif, staf yang bekerjasama, staf yang mempunyai syarikat di fakulti, ciri-ciri kepimpinan transformasional, *team player*, mampu menghadapi cabaran, penglibatan yang aktif dalam aktiviti perniagaan di IPT termasuk syarikat hiran dan *crowd industry* yang relevan kepada komuniti, dan konsultansi, serta memiliki keupayaan yang tinggi dalam penjaan pendapatan berdasarkan kepakaran masing-masing. Staf bukan akademik pula adalah mereka yang mempunyai ciri proaktif dan transformasi, mempraktikkan sistem tadbir urus yang cekap, pentadbiran yang efektif dan efisien, serta kreatif dan inovatif, bekerja dalam pasukan, dan terlibat dalam khidmat masyarakat. Staf bukan akademik yang mempunyai kepintaran dalam penjaan pendapatan dan strategi penjimatan kos adalah dipuji.


03 Universiti (IPT)/Tadbir Urus

Universiti (IPT)/tadbir urus merujuk kepada kepimpinan sesebuah institusi yang bercirikan kepimpinan transformasional, berprestasi cemerlang, berwawasan, kompeten, berilmu, berfikiran strategik, memiliki nilai kemanusiaan yang tinggi, cenderung ke arah keusahawanan, menghargai sumbangan pengikut (pekerja), percaya kepada pemerkasaan secara kolektif dan dihormati sebagai *role model*. Pemimpin berkenaan juga berani mengambil risiko dan mempunyai akauntabiliti yang tinggi. Pemimpin berkenaan mampu bertindak secara strategik dengan darjah fleksibel yang tinggi berdasarkan keupayaan mempertimbangkan peluang yang ada dalam ekosistem. Selain itu, polisi yang dilaksanakan perlu dikongsi dan dihebahkan dengan semua warga IPT.

04 Industri/Komuniti

Industri/komuniti merujuk kepada kolaborasi antara IPT-industri-komuniti melalui sumber dana penyelidikan yang diperoleh daripada kolaborasi sektor awam, sektor swasta, dan industri. Institusi berfungsi sebagai penyedia penyelesaian masalah di industri. Pengkomersialan dapatan penyelidikan yang memberi impak secara langsung kepada komuniti dan industri akan menyumbang kepada penjaan pendapatan. Ia juga melibatkan aktiviti filantropi dan sumbangan sama ada dalam bentuk wang tunai atau bahan/peralatan atau penajaan bagi menubuhkan kemudahan pengajaran dan penyelidikan atau pusat dan bangunan penyelidikan. Model tersebut diringkaskan dalam gambar rajah 3.

KOLABORASI INDUSTRI / KOMUNITI -IPT



Gambar Rajah 3: Kolaborasi Industri/Komuniti-IPT




Beralih daripada ekosistem keusahawanan tradisional di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seperti di gambar rajah 1, satu Kerangka Ekosistem Keusahawanan Inklusif (IEE) di IPT dipaparkan di gambar rajah 4.

Kerangka IEE mempunyai empat (4) pemacu utama, lima (5) strategi, dan 33 inisiatif.

KERANGKA EKOSISTEM KEUSAHAWANAN INKLUSIF (IEE) IPT

5 STRATEGI

- 01 ● Amalan pengajaran bersepadu, pembelajaran inovatif, dan penyelidikan berimpak.
- 02 ● Menggalakkan pemikiran keusahawanan dan kepimpinan transformasional.
- 03 ● Berusaha ke arah kepelbagaian pembiayaan bagi kelestarian kewangan.
- 04 ● IPT aktif mengamalkan keusahawanan sosial dan inovasi.
- 05 ● Memberi tumpuan untuk menyelesaikan cabaran dunia yang kompleks melalui rangkaian dan perkongsian pintar.



4 KUNCI UTAMA

33 INISIATIF



Gambar Rajah 4: Kerangka Ekosistem Keusahawanan Inklusif di IPT

STRATEGI S1

AMALAN PENGAJARAN BERSEPADU, PEMBELAJARAN INOVATIF, DAN PENYELIDIKAN BERIMPAK

Amalan pengajaran integratif dan pembelajaran inovatif di IPT melibatkan kajian kes sebenar dan pelajar mengembangkan idea perniagaan mereka sendiri dengan sokongan mentor perniagaan daripada syarikat tempatan yang memberi inspirasi kepada tindakan keusahawanan melalui program/pendekatan dalam pelbagai bidang. Pengajaran dan pembelajaran juga merangkumi penyelidikan translasi yang inovatif. Penyelidikan translasi boleh dipindahkan kepada pemegang taruh untuk memberi impak. Pengajaran dan pembelajaran inovatif dan penyelidikan wujud dalam pelbagai bentuk.

Sistem pendidikan yang fleksibel merujuk kepada kaedah melanjutkan pelajaran yang membenarkan pelajar melengkapkan ijazah mengikut impian dan pilihan masing-masing. Pelajar dibenarkan untuk mengikuti program di IPT yang berbeza atau melengkapkan ijazah dalam tempoh masa yang dikehendaki atau mengikut pengkhususan yang diminati.

Pengajaran dan pembelajaran boleh juga berlaku melalui penajaan dan perkongsian pengetahuan (penerbitan), kepelbagaian bidang, pendidikan sepanjang hayat, 2u2i (program ijazah industri-universiti), pembelajaran berpusatkan pelajar dalam bentuk pembelajaran -berasaskan-projek, kajian kes, pembelajaran pengalaman, pembelajaran berasaskan komuniti (SULAM), *Massive Open Online Courses (MOOC)* dan perniagaan pelajar semasa di kampus.

Penglibatan Pengamal industri dan usahawan dalam pengajaran dan pembelajaran dan juga penglibatan dengan pihak pemegang taruh luar merupakan elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penyertaan pengamal industri dan usahawan juga mampu meningkatkan kecemerlangan penyelidikan.



Hasil penyelidikan diterapkan dalam pendidikan dan latihan keusahawanan. Hasil dapatan baharu daripada aktiviti penyelidikan digunakan sebagai bahan bagi pengajaran pengetahuan baharu.

Pendidikan fleksibel akan memupuk pengantarabangsaan melalui mobiliti pelajar dan staf memandangkan mereka tidak terikat dengan tempoh masa pendekatan konvensional dalam sistem pendidikan.

Dalam pengajaran dan pembelajaran keusahawanan, staf akademik yang lazimnya dikenali sebagai pendidik keusahawanan akan mengambil pendekatan keusahawanan untuk mengajar dalam semua jabatan merentasi bidang. Pada masa yang sama, bekerjasama dan terlibat dengan pemegang taruh luar merupakan komponen utama dalam pembangunan pengajaran dan pembelajaran. Dalam aspek lain, pendedahan pengalaman sebenar mengenai subjek yang dipelajari adalah penting kepada pelajar. Pemegang taruh yang lain boleh mengambil peranan sebagai pendidik untuk membenarkan tempat kerja atau premis perniagaan mereka dijadikan bilik kuliah atau makmal alami (*living lab*).

STRATEGI S2 / MENGGALAKKAN PEMIKIRAN KEUSAHAWANAN DAN KEPIMPINAN TRANSFORMASIONAL



IPT sebagai pemacu untuk menggalakkan pemimpin yang bersifat keusahawanan

Pemimpin transformasional ialah mereka yang mampu membuat perubahan, berfikir dengan cara berbeza untuk menambahbaik hasil, berwawasan, mencabar status quo, mengambil peluang, dan mampu mengatasi segala cabaran (menjadikan kesulitan sebagai kekuatan). IPT keusahawanan memerlukan kepimpinan yang jitu dan perlu menggalakkan gaya pemikiran kepimpinan keusahawanan. Para pemimpin perlu mempamerkan tingkah laku keusahawanan yang boleh disokong oleh pengalaman universiti, daripada mewujudkan kesedaran sehinggalah kepada merangsang idea-idea untuk pembangunan dan pelaksanaan.

Beberapa pemikiran strategik keusahawanan bagi pemimpin transformasional adalah seperti berikut:

- Keusahawanan dijadikan bahagian utama dalam strategi IPT.
- Terdapat komitmen yang jitu pada peringkat Pengurusan Tertinggi IPT untuk melaksanakan strategi keusahawanan.
- IPT terbuka untuk merekrut dan melibatkan individu yang mempunyai ciri-ciri, tingkah laku dan pengalaman keusahawanan, ia penting bagi IPT untuk mempunyai pakar dalam bidang berkaitan.
- IPT perlu meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan membangunkan keupayaan keusahawanan dalam kalangan staf dan pelajar.

STRATEGI S3

BERUSAHA KE ARAH MEMPELBAGAIKAN PEMBIAYAAN BAGI KELESTARIAN KEWANGAN

Berusaha mempelbagaikan sumber dana melalui endowmen; perkhidmatan khusus (seperti perundingan; latihan; R&D yang inovatif; pemindahan teknologi, pengkomersialan hasil penyelidikan, pendidikan melalui kursus jangka pendek dan sumber dalaman)


Penglibatan dalam pemilikan *enterprise* yang bernilai tinggi, pusat inovasi dan inkubasi, perniagaan asas tani, dan cabang perniagaan (business arm) di IPT adalah antara aktiviti yang dilaksanakan untuk penjaan pendapatan IPT. Penjaan pendapatan menjadi peranan penting dalam institusi ekoran daripada pengurangan belanjawan kerajaan. Strategi sedia ada untuk penjaan pendapatan memerlukan penambahbaikan seperti berikut:

- Ahli akademik perlu mempertimbangkan dengan teliti cara paling berkesan untuk menggunakan kepakaran mereka bagi menjana pendapatan. Hal ini termasuk penganjuran seminar, persidangan dan kursus jangka pendek, selain terlibat dalam mendapatkan geran untuk penyelidikan dan pembangunan inovasi.
- Sumber dana penyelidikan melalui sektor awam, sektor swasta dan kerjasama industri, universiti bertindak sebagai penyedia penyelesaian masalah dalam industri. Perundingan dan penyelidikan berkontrak adalah antara petunjuk kecemerlangan akademik.
- Pengkomersialan hasil penyelidikan yang mempunyai kesan langsung kepada komuniti dan industri akan menyumbang kepada penjaan pendapatan. Sehubungan dengan itu, paten, pemindahan teknologi dan perlesenan adalah sangat relevan.
- Dana endowmen dan kursi yang diperoleh daripada usahawan atau organisasi korporat dapat menyokong peningkatan aktiviti ke arah pengukuhan keusahawanan.
- Aktiviti filantropi dan derma secara tunai atau bahan/peralatan atau penajaan untuk menubuhkan makmal, pengajaran dan peralatan penyelidikan keusahawanan atau pusat penyelidikan dan infrastruktur.



STRATEGI S4

IPT AKTIF MENGAMALKAN KEUSAHAWANAN SOSIAL DAN INOVASI



Keusahawanan Sosial membentuk ciri-ciri yang unik, relevan dan berbeza bagi institusi keusahawanan kerana komuniti dan masyarakat adalah sumber kepada penciptaan nilai inovasi. Oleh itu, institusi akan menjadi pemangkin untuk memastikan sumber pendapatan yang baharu untuk komuniti. Selain memberi peluang untuk meningkatkan pendapatan, IPT mesti memainkan peranan penting dalam mengubah pemikiran masyarakat yang membawa kepada perubahan sosioekonomi. Peranan institusi sebagai agen perubahan akan memperkukuh konsep tanggungjawab sosial.

IPT perlu menghubungkan aktiviti penyelidikan, pendidikan dan industri (komuniti yang lebih luas) untuk mempengaruhi keseluruhan ekosistem pengetahuan. Konsep Heliks Kuadrupel (universiti/IPT-komuniti-industri-kerajaan) akan dapat dikekalkan jika institusi secara berterusan memberikan penyelesaian kepada masalah sedia ada dalam komuniti dan industri. Satu daripada sumber kegiatan ekonomi dalam komuniti boleh juga didapati melalui pemindahan hasil dan pengetahuan melalui penyelidikan translasi.

Penyelidikan Translasi adalah penyelidikan gunaan yang menyediakan hasil penyelidikan yang nyata dan boleh diterjemahkan atau diubah menjadi komoditi untuk aktiviti perniagaan dalam komuniti.

IPT berusaha untuk menyokong keusahawanan sosial demi pembentukan nilai dalam masyarakat. Pelbagai inovasi dalam keusahawanan sosial boleh dilakukan dengan memanfaatkan kepakaran di institusi dalam pelbagai bidang. Strategi pertama dalam keusahawanan sosial adalah untuk memperkukuh pemikiran positif masyarakat dan ini boleh dilakukan melalui program motivasi dan latihan kemahiran berterusan untuk pembangunan produk, yang akan menjadi komoditi yang berpotensi untuk perniagaan. Bakat (talent) dalam komuniti mesti digunakan sepenuhnya untuk lebih berdaya saing. Produk perlu penambahbaikan untuk meningkatkan potensi pemasaran. Produk juga boleh didapati daripada dapatan kajian yang dipindahkan kepada komuniti.

Dua (2) contoh keusahawanan sosial yang luar biasad alam memperkukuh status ekonomi masyarakat adalah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) di bawah Program Transformasi Nasional; dan juga inisiatif universiti untuk masyarakat oleh KPT.

NBOS membolehkan masyarakat mempelbagaikan sumber pendapatan dan meningkatkan taraf hidup. Program penguasaan kemahiran dan pemindahan teknologi melibatkan proses penyampaian pengetahuan dan kemahiran dalam bidang antaranya penyediaan makanan, kedai-kedai jahitan, perniagaan peruncitan kecil. IPT juga harus terlibat dalam aktiviti aliran seperti pemprosesan dan pengedaran produk pertanian selain daripada memberi tumpuan kepada aktiviti hulu sektor pertanian seperti perkebunan tanaman, ternakan ikan, perusahaan lebah madu, dan fertigasi cendawan.

STRATEGI S5

MEMBERI TUMPUAN UNTUK MENYELESAIKAN CABARAN DUNIA YANG KOMPLEKS MELALUI RANGKAIAN DAN PERKONGSIAN PINTAR

IPT yang berteraskan keusahawanan perlu menguasai keupayaan dalam keusahawanan untuk pembangunan wilayah dengan memberi tumpuan kepada penyelesaian cabaran dunia yang kompleks melalui rangkaian dan perkongsian pintar. Hal ini akan menjadikan institusi relevan dengan pembangunan serantau dan komuniti untuk menyelesaikan masalah sosial berkaitan ekonomi, kemiskinan, pembangunan infrastruktur, dan pendidikan.

- Terdapat mekanisme untuk memecahkan sempadan tradisi dan memupuk hubungan baharu dengan menyatukan pemegang taruh dalaman termasuk staf dan pelajar untuk membina strategi dan sinergi antara mereka. Hasilnya, sumbangan mereka dapat diiktiraf bagi tujuan kenaikan pangkat.
- Institusi menjadi pendorong pembangunan keusahawanan serantau dan persekitaran sosial dan komuniti yang lebih luas dengan mewujudkan hubungan yang kuat dengan pemegang taruh luaran. Rangkaian ini akan dikuatkan untuk menggarap aktiviti yang dapat menyumbang kepada pembangunan wilayah.
- Institusi juga komited dalam mewujudkan kerjasama untuk pertukaran pengetahuan antara industri, masyarakat dan sektor awam. Konsep Heliks Kuadrupel boleh digunakan sebagai wahana pembangunan wilayah.



IMPAK KEUSAHAWANAN

Impak ekosistem keusahawanan yang kukuh, berkesan dan inklusif, boleh beralih dari tempatan ke global, daripada pemegang taruh dalaman (pelajar/graduan, staf) kepada memberi kesan ke atas pemegang taruh luaran (perniagaan tempatan, organisasi dan seluruh komuniti). Petunjuk impak termasuk:

- Peningkatan bilangan syarikat hiliran yang dihasilkan daripada inovasi, harta intelek (IP), hasil penyelidikan dan penajaan pendapatan.
- Staf akademik dan staf bukan akademik yang mempunyai keunikan dan ciri-ciri keusahawanan berbeza sentiasa bersedia dan bertanggungjawab terhadap peranan masing-masing. Pengukuran boleh dibuat berdasarkan pencapaian staf yang berpengaruh dan menjadi rujukan kepada masyarakat dan industri tempatan atau antarabangsa.
- Graduan yang merupakan pencipta pekerjaan (bukan pencari pekerjaan) bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi juga untuk orang lain. Pengukurannya adalah bilangan graduan yang terlibat dalam perniagaan setelah tamat pengajian.
- Pembangunan sistem pendidikan termasuklah sistem penyampaian yang mantap dan fleksibel bagi pengembangan pengetahuan manusia dan kemahiran. Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) boleh digunakan.
- Pencapaian penyelidikan dan inovasi berdasarkan jumlah pendapatan yang dijana daripada aktiviti penyelidikan termasuk hasil penyelidikan yang boleh dikomersialkan secara meluas dan penubuhan syarikat hiliran atau syarikat terbitan.
- IPT akan relevan kepada semua pemegang taruh/komuniti dan ini boleh diukur berdasarkan perubahan pada komuniti dari segi transformasi sosioekonomi termasuk perubahan corak pemikiran.
- Peningkatan bilangan kolaborasi antara IPT-industri-komuniti melalui pembiayaan, rangkaian penyelidikan atau pembangunan infrastruktur.



01 Visi, Misi & Budaya Keusahawanan

02 Pendidikan Keusahawanan & Keusahawanan Sosial

03 Infrastruktur (termasuk Sistem Tadbir Urus)

04 Aktiviti Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersialan, Keusahawanan (R.I.C.E) dan Jaringan Industri (cth.: Majlis Tindakan Keusahawanan)

05 Staf yang Bercirikan Keusahawanan



Impak Keusahawanan

Graduan

- ✓ **Menjadi Pencipta Pekerjaan**
- ✓ **Mempunyai ciri-ciri Keusahawan**
- ✓ **Memperkukuh Rangkaian Komuniti Perniagaan**

IPT

- ✓ **Meningkatkan bilangan Syarikat Terbitan dan Aktiviti Perniagaan**
- ✓ **Diiktiraf Sebagai Penyedia Penyelesaian dalam Industri**
- ✓ **Memperkukuh Peranan Sebagai Pendukung Komuniti**

06

**KERANGKA
PENDIDIKAN
KEUSAHAWANAN
BERSEPADU (EIC)**

EIC merujuk kepada gabungan, organisasi atau koordinasi variasi bidang-bidang berkaitan untuk membentuk suatu program keusahawanan berstruktur dan penting yang relevan dengan kemunculan industri keusahawanan. EIC beriltizam untuk memastikan disiplin-disiplin utama teradun secara efektif. Melalui kurikulum bersepadu, ilmu pengetahuan saintifik boleh disampaikan seiring dengan disiplin dalam latihan tersebut. Elemen-elemen Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEP) dan Service Learning Malaysia - University for Society (SULAM) adalah terbaik untuk diterap dalam pembentukan kurikulum.

EIC memperkukuhkan inovasi dan keusahawanan di IPT. Bagaimana untuk memupuk minat pelajar terhadap keusahawanan dan menjadikan mereka lebih bercirikan keusahawanan adalah satu persoalan penting di dalam domain penerapan ilmu dan kemahiran keusahawanan ke dalam kurikulum akademik. EIC bermatlamat untuk mendidik pelajar IPT melalui kurikulum yang berkesan untuk menjadi usahawan yang berjaya.



Ekosistem IPT membolehkan ilmu dan kemahiran teras keusahawanan dipupuk dalam diri graduan. Namun begitu, nisbah dan magnitud pendedahan adalah berbeza daripada satu universiti awam dengan yang lain. Misalnya, subjek pengenalan kepada Keusahawanan ditawarkan di seluruh universiti-universiti awam, walau bagaimanapun sesetengah universiti awam menawarkan lebih daripada satu subjek sebagai teras. Universiti Malaysia Kelantan (UMK) contohnya, mempunyai empat subjek teras keusahawanan yang mana merupakan satu-satunya institusi yang menawarkan subjek teras keusahawanan terbanyak di antara universiti awam Malaysia, manakala Universiti Teknologi MARA (UiTM) menawarkan tiga subjek teras keusahawanan. Universiti - universiti lain seperti Universiti Malaysia Perlis (UNiMAP), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) menawarkan dua subjek teras keusahawanan sementara beberapa universiti hanya menawarkan satu subjek teras keusahawanan.

Selain itu, para pelajar didedahkan kepada latihan praktikal bercirikan keusahawanan yang disediakan oleh Pusat Pembangunan Keusahawanan. Dana keusahawanan kebiasaannya diperuntukkan oleh kementerian dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) ditetapkan ke setiap pusat keusahawanan IPT masing-masing.

Oleh itu, ianya jelas menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar IPT terdedah kepada ilmu dan kemahiran teras keusahawanan. Khususnya, fakulti-fakulti akademik menyampaikan ilmu teras keusahawanan bersama teras kemahiran yang minima melalui mekanisme taksiran manakala kebanyakan kemahiran disampaikan melalui pusat keusahawanan.

PRINSIP PANDUAN (P)

Bagi memastikan kejayaan dalam melahirkan ramai usahawan, empat (4) prinsip akan mengawal rangka kerja EIC. Prinsip panduan ini akan membimbing para pendidik dalam membangunkan kurikulum yang relevan dan kontemporari kepada persekitaran perniagaan. Kurikulum tersebut hendaklah membantu dalam kesediaan dan motivasi pelajar, pembentukan sikap dan pemikiran yang bercirikan keusahawanan, memperolehi ilmu dan kemahiran baharu dalam keusahawanan dan perniagaan.

P01

Menghubungkan kurikulum dengan dunia sebenar perniagaan

Kursus-kursus hendaklah diterapkan dengan kajian kes sebenar. Para pelajar hendaklah didedahkan dan diberi bimbingan bagaimana perusahaan-perusahaan mengenalpasti peluang dan menukarkan ia menjadi penyelesaian kepada perniagaan yang berdaya maju. Intipati menghubungkan kurikulum dengan dunia perniagaan sebenar adalah untuk memberi bimbingan kepada pelajar bagi mempraktikkan pembelajaran berasaskan masalah. Para pendidik pula dibimbing untuk membangunkan kajian kes baharu melalui proses pengajaran dan pembelajaran.

P02

Pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran berasaskan pengalaman

Para pelajar akan diajar menggunakan pembelajaran berasaskan masalah dan pengalaman. Mereka akan diberi cabaran perniagaan sebenar untuk memahami cabaran-cabaran dan risiko yang dihadapi para usahawan dengan mengadakan lawatan dan sangkutan industri. Para pelajar diberi bimbingan untuk mengenal pasti masalah-masalah sosial dan masalah pengguna dan mencadangkan penyelesaian inovatif terbaik untuk menyelesaikan permasalahan tersebut. Para pelajar akan merasai pengalaman proses keusahawanan dan dapat membina tahap keyakinan diri serta pemikiran kritis melalui pembelajaran berasaskan masalah.

P03

Kurikulum berciri teknologi

Teknologi yang berkembang dan terkini mesti diterapkan dalam setiap kursus untuk menunjukkan realiti perantara menggunakan teknologi-teknologi sebegitu dalam konteks keusahawanan dan pengoperasian perniagaan. Contohnya, aplikasi AI, Internet Benda (IoT), *business mechine* dan lain-lain peralatan teknologi dalam bidang pemasaran, e-dagang, logistik, analisis ekonomi adalah dianggap sebagai relevan pada masa kini dan masa hadapan.

P04


Jaringan IPT-industri-komuniti

Adalah penting untuk mewujudkan perhubungan IPT-industri-komuniti untuk memahami dan bekerja bersama-sama demi menghasilkan usahawan-usahawan yang lestari. Projek-projek kolaborasi akan memberi impak kepada proses pembelajaran untuk pendidik dan pelajar. Melalui projek kolaborasi, ia akan memanfaatkan potensi peluang perniagaan yang memberi keuntungan kepada para pelajar, industri dan rakan komuniti. Perhubungan-perhubungan ini mungkin akan merangsang kajian bercirikan keusahawanan dan aktiviti-aktiviti inovasi.

LIMA (5) TERAS EIC

Lima (5) komponen teras yang mempengaruhi rangka kerja EIC iaitu kurikulum bersepadu dan berasaskan teknologi (T1), pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran (T2), Aprantis keusahawanan dan kurikulum tambahan (T3), petunjuk pentaksiran (T4), dan kompetensi kemahiran keusahawanan staf (T5).

Kelima-lima komponen membentuk tunggak utama dalam pembentukan kurikulum keusahawanan dan setiap komponen tidak boleh dipisahkan kerana ia memberi impak yang besar kepada kualiti dan standard kurikulum.



T1 Kurikulum Bersepadu dan Berciri Teknologi

Setiap kurikulum akademik dan kursus-kursusnya perlu memastikan penyediaan ilmu semasa dan aplikasi peralatan teknologi yang relevan yang dapat memenuhi keperluan persekitaran perniagaan terkini. Setiap kursus akan membangunkan kemahiran analitik dan kecekapan untuk pelajar menjadi usahawan atau untuk mereka yang sedang membangunkan perniagaan. Kurikulum bersepadu dan berasaskan teknologi memfokuskan perspektif pandangan dunia terhadap perkara yang menggunakan komponen-komponen teknologi moden dan penyelesaian untuk mengaitkan dengan pelbagai disiplin (contohnya ekonomi, kewangan, aplikasi teknologi dalam keusahawanan, pemasaran digital dan e-dagang).

Sebelas (11) pendekatan-pendekatan HIEP yang dianggap sebagai yang terbaik untuk diterapkan dalam pembentukan kurikulum akademik bersepadu adalah seperti berikut:

- Pengalaman Tahun Pertama
- *Common intellectual experiences*
- Komuniti Pembelajaran
- Kursus Intensif Penulisan
- Projek dan Tugas Kolaboratif
- Kajian Prasiswazah
- Pembelajaran secara global/Kepelbagaian
- *Service Learning*
- Pembelajaran berasaskan komuniti
- Latihan Amali/ Perantisan
- Projek dan Kursus *Capstone*

Para pelajar yang mendaftar program-program selain daripada sarjana muda keusahawanan dan perniagaan, ilmu keusahawanan perlu diterapkan ke dalam program/kursus akademik mereka. Pembangunan kurikulum perlu mengambil kira input-input usahawan/industri untuk memastikan pembangunan terkini dalam landskap industri dinyatakan dalam kurikulum.





T2 Pendekatan dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Penekanan kepada pembelajaran tersuai, pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran berasaskan pengalaman adalah penting. Kaedah-kaedah ini membantu para pelajar untuk mengatur tugas-tugas, menggalakkan kolaborasi dan merangsang komunikasi yang lebih baik. Pembelajaran tersuai merujuk kepada pelbagai jenis program pendidikan dan pengalaman pembelajaran. Ia bermatlamat untuk menyesuaikan pembelajaran dengan kekuatan, keperluan, kemahiran dan minat setiap pelajar. Untuk melibatkan para pelajar dalam cabaran-cabaran dunia sebenar, pembelajaran berasaskan masalah adalah praktis kurikulum berimpak tinggi kepada semua pelajar. Pembelajaran berasaskan masalah adalah pedagogi berpusatkan pelajar yang membolehkan mereka untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah dihadapi industri/komuniti manakala pembelajaran berasaskan pengalaman adalah proses pembelajaran melalui pengalaman-pengalaman. Melalui pembelajaran berasaskan pengalaman, para pelajar dapat mengembangkan dan menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada pengalaman sebenar di luar pembelajaran akademik.



Pembelajaran Berasaskan Masalah Berorientasikan Projek (POPBL) adalah kaedah pengajaran yang telah digunakan dalam pelbagai aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). POPBL merangkumi pembangunan kemahiran personal pelajar dan juga menggalakkan kreativiti dalam mana-mana persekitaran P&P.

Selain itu, inisiatif SULAM yang bermatlamat untuk membolehkan para pelajar merasai pengalaman pembelajaran dengan mengaitkan teori-teori dan latihan-latihan untuk menyelesaikan masalah komuniti sebenar berdasarkan Kasih Sayang (*Love*), Kegembiraan (*Happiness*), dan Saling Menghormati (*Mutual Respect*) perlu diaplikasikan. Pembangunan dan pengumpulan kajian-kajian kes perlu diamalkan. Usaha ini perlu meliputi semua jenis program-program akademik. Kajian kes perlu berdasarkan syarikat dan pengalaman pelajar yang sebenar dalam aktiviti-aktiviti keusahawanan terutamanya untuk mereka yang berpengalaman dalam menubuhkan dan menguruskan syarikat.

T3 Perantis Keusahawanan (EA) & Kurikulum Tambahan (EC)

EA dan EC perlu direka untuk meningkatkan penggunaan ilmu dan pembangunan kemahiran dalam kalangan pelajar. Para pelajar yang mempunyai minat yang mendalam dalam keusahawanan dan perniagaan perlu diberi kebenaran untuk mengambil EA bagi menggantikan latihan amali industri yang konvensional. Pilihan ini mesti diperluaskan kepada pelajar keusahawanan perniagaan (BES) dan pelajar bukan keusahawanan perniagaan (non BES). EA perlu menitikberatkan sangkutan pelajar-pelajar untuk memulakan syarikat atau melalui proses bimbingan untuk memulakan perusahaan baru. Bagi pelajar yang bukan BES, platform EA dan EC membolehkan mereka untuk memperoleh ilmu pengetahuan lanjutan dan kemahiran dalam keusahawanan.

EA dan EC membolehkan para pelajar mempertingkatkan ilmu dan pengalaman mereka dengan mengambil bahagian dalam pertandingan perniagaan dan *pitching*, pertandingan-pertandingan inovasi, pertandingan pembentukan idea, pendedahan kepada rangka kerja hak milik intelektual serta aktiviti dan proses pengkomersialan. Contoh lain, termasuklah penubuhan *Student Street* dan *Student Mall* untuk perniagaan, program kepimpinan komuniti bercirikan keusahawanan sebagai kurikulum tambahan dan sebahagian daripada aktiviti keusahawanan sosial (SULAM).



T4 Petunjuk Pentaksiran

Impak EIC bergantung kepada ideologi di mana usahawan adalah tingkah laku yang dirancang secara sedar. Perhubungan antara sikap, tujuan dan tingkah laku adalah berdasarkan Teori Gelagat Terancang (TPB) yang diambil daripada domain psikologi (Ajzen, 1991; Bandura, 1997). Sekiranya sikap pelajar-pelajar terhadap keusahawanan adalah dipengaruhi secara positif oleh EIC, matlamat mereka juga akan berubah, dan kemudiannya membawa kepada tingkah laku keusahawanan yang diharapkan. Oleh itu, kedua-dua aspek kognitif dan bukan kognitif perlu dinilai.

Terdapat empat (4) komponen pentaksiran kurikulum keusahawanan iaitu pencapaian ilmu baharu, pemerolehan set kemahiran baharu, bilangan syarikat pemula dan perusahaan, dan bilangan projek-projek kolaboratif yang sangat penting untuk mengukur kejayaan usahawan graduan serta usahawan pelajar.

Domain-domain pentaksiran akan merangkumi kognitif, afektif dan psikomotor. Walau bagaimanapun, kekuatan setiap domain adalah bergantung kepada hasil pembelajaran dan peringkat kursus samada ianya asas atau domain lanjutan pengetahuan. Sebagai tambahan, kedua-dua nilai ekonomi (contohnya; jualan dan hasil dijana melalui perusahaan pelajar) dan nilai bukan ekonomi (hasil pulangan sosial seperti sebilangan kerja diwujudkan dan kualiti dipertingkatkan dan kesejahteraan sosial) adalah penting untuk dinilai. Kesemua petunjuk pentaksiran memerlukan rubrik khusus bagi tujuan penilaian.

Usahawan Graduan

Usahawan Pelajar

Ilmu Baharu

Set Kemahiran Baharu

- Berfikir melangkaui norma
- Bertindak melangkaui norma
- Keberanian/ehsan
- Kemahiran untuk berniaga
- Kemahiran teknologi baharu

Keberhasilan

- Perusahaan baharu
- Syarikat pemula
- Syarikat baharu
- Bilangan projek kolaboratif berimpak
- Pulangan Pelaburan (ROI)
 - Jualan dan Hasil
- Pulangan Pelaburan Sosial (SROI)
 - Bilangan pekerjaan diwujudkan
 - Kesejahteraan masyarakat

01



ILMU BAHARU

Ilmu terbaharu dan terkini diperoleh melalui pemerhatian, pembelajaran, pemikiran dan pengalaman

02



SET KEMAHIRAN BAHARU

Ilmu dan keupayaan terbaru atau terkini yang membolehkan seseorang melakukan sesuatu dengan baik

03



SYARIKAT PEMULA DAN PERUSAHAAN

Bilangan syarikat ditubuhkan oleh para pelajar dan staf

04



BILANGAN PROJEK KOLABORATIF


Bilangan kolaborasi bersama pihak luar yang mempunyai impak terhadap industri dan masyarakat

T5 Kompetensi Keusahawanan Staf

Staf adalah merujuk kepada para pendidik (akademik dan bukan akademik). Para pendidik mestilah mempunyai minda bercirikan keusahawanan dan kompeten dalam mereka bentuk dan menyampaikan kurikulum. Sebagai tambahan, pensyarah-pensyarah industri perniagaan perlu dilibatkan dalam pembangunan EIC. Para pendidik yang berpengalaman dengan kedua-dua ilmu dan pengalaman keusahawanan akan menggalakkan motivasi para pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti keusahawanan. Oleh itu, bagi mengukuhkan kualiti penyampaian aktiviti-aktiviti dan kursus-kursus keusahawanan, warga fakulti dibekalkan dengan ilmu semasa dan tepat ditambah dengan peralatan teknologi terbaru dalam keusahawanan dan kursus berkaitan perniagaan. Manakala, staf bukan akademik perlu diperkenalkan dengan sekurang-kurangnya ilmu keusahawanan asas untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran di IPT. Antara program peningkatan kemahiran dan pemahaman semula dalam pendidikan keusahawanan boleh membantu untuk mempertingkatkan kompetensi staf akademik dan bukan akademik iaitu:

- Staf menjalani sangkutan industri selama enam (6) bulan
- Program latihan amali untuk staf di syarikat pemula/ syarikat hiliran
- Staf menghadiri latihan teknikal dan vokasional dalam keusahawanan
- *Entrepreneurship in Residence (EIR)*






Enam (6) bidang fokus mengatur pemetaan EIE antara Business Entrepreneurship Programmes (BEP), Business- Related Programmes (BRP) dan Non-Business Entrepreneurship Programmes (Bukan BEP) yang ditawarkan oleh IPT.

Enam (6) bidang tumpuan dianggap sebagai tonggak utama dan relevan pendidikan keusahawanan untuk memastikan pelajar dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang betul dalam bidang keusahawanan. Penerangan mengenai enam (6) bidang fokus ditunjukkan di jadual 1. Pemetaan menunjukkan pemberat yang dirujuk kepada peraturan yang diperlukan untuk setiap bidang fokus dan pemberat ini adalah berdasarkan jumlah kredit (JK) yang diperlukan untuk bergraduasi. Sebagai contoh, jika JK adalah 120 kredit, oleh itu dengan pemberat 10% bidang fokus memerlukan 12 kredit.

PEMETAAN EIE UNTUK BUSINESS ENTREPRENEURSHIP PROGRAMMES (BEP), BUSINESS-RELATED PROGRAMMES (BRP), AND NON-BUSINESS ENTREPRENEURSHIP PROGRAMMES (Non-BEP)



- **BEP** merujuk kepada program akademik Keusahawanan dan Keusahawanan Perniagaan. Sarjana Muda Keusahawanan, Sarjana Muda Keusahawanan Perniagaan adalah contoh program pada peringkat prasiswazah; dan Sarjana Keusahawanan dan Kedoktoran Keusahawanan pada peringkat pascasiswazah.
